# KESAN KAEDAH VIDEO, OHP, TUNJUKCARA DAN AMALI BAGI PENGAJARAN IBADAT (PENDIDIKAN ISLAM KBSM) KEPADA PELAJAR TINGKATAN SATU

oleh

**ALIAS CHE NUS**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi

keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan

September 1999

**Penghargaan**

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ingin saya sampaikan kepada Prof. Madya Dr. Ismail Jusoh, penyelia saya yang telah banyak membimbing dan membantu saya sehingga dapat menyiapkan kajian ini. Penghargaan yang serupa ingin saya sampaikan kepada Prof. Madya Dr. Mokhtar, Dr. Kamaruddin, Prof. Madya Dr. Daud, En. Sazali, Prof. Quah, Prof. Madya Dr. Yoon Suan, Ustaz Mohd. Sobri, Ustaz Mohammad Che Ngah, Ustaz Asri Mohd Taib, En. Nasron, Ustazah Salmiah Ibrahim, Ustaz Tarmizi Hashim, Ustaz Abd. Ghani, Ustaz Abd Halim Lateh, Ustazah Zainab, Ustazah Bashirah, Ustaz Zakiyuddin Mahmud, Dr. Kim Phaik Lah, En. Esmail Hamid, Cik/Pn Mawar, Tn. Hj. Idris, Pn. Jenny, Pn. Fadzilah, En. Azman, Pn. Teoh , kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Institut Pengajian Siswazah, USM dan semua pihak yang telah memberi bantuan dan kerjasama dalam usaha menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada isteri dan anak-anak tersayang serta kawan-kawan yang setia yang banyak memberi perangsang dalam menjayakan kajian ini.

Penghargaan yang istimewa kepada semua pengetua, penolong kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar Islam tingkatan satu sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Muda, Kedah yang terlibat dengan kajian ini.

Terima kasih kepada semua. Semoga Allah membalasnya dengan balasan yang sebaik-baiknya.

# JADUAL KANDUNGAN

Muka surat judul i

Penghargaan ii

Jadual kandungan iii

Senarai rajah & jadual iv

Abstrak viii

Abstract ix

**BAB 1 : PENGENALAN**

1.1 Latar belakang 1

1.2 Ibadat dalam Pendidikan Islam 4

1.2.1 Konsep Ibadat 4

1.2.2 Jenis-jenis ibadat 6

1.2.3 Kepentingan ibadat 8

1.2.4 Falsafah Pendidikan Islam 12

1.2.5 Matlamat Pendidikan Islam 13

1.2.6 Objektif Pendidikan Islam 14

1.2.7 Ibadat dalam Pendidikan Islam 15

1.3 Pernyataan masalah 17

1.4 Soalan kajian 21

1.5 Tujuan kajian 23

1.6 Kepentingan kajian 24

1.7 Hipotesis kajian 25

1.8 Batasan kajian 27

1.9 Definisi operasi 28

**BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

2.1 Pendahuluan 35

2.2 Kaedah pengajaran 35

2.3 Kaedah pengajaran Pendidikan Islam 39

2.4 Kaedah pengajaran Ibadat dalam KBSM 44

2.5 Kaedah Video dan OHP 48

2.6 Kaedah Tunjukcara 54

2.7 Kaedah Amali 58

2.8 Model pengajaran Ibadat 61

**BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1 Pendahuluan 69

3.2 Sampel kajian 69

3.3 Tempat kajian 70

3.4 Kaedah kajian 70

3.5 Rekabentuk kajian 72

3.6 Alat kajian 73

3.7 Program olahan 76

3.7.1 Bentuk olahan 77

3.7.2 Langkah pengajaran 81

3.8 Prosedur kajian 97

3.9 Kajian rintis 99

3.10 Kesahan 100

3.11 Kebolehpercayaan 103

3.12 Pengumpulan dan penganalisisan data 103

**BAB 4 : KEPUTUSAN**

4.1 Pengenalan 105

4.2 Gambaran sebelum olahan 105

4.3 Prestasi subjek selepas olahan 106

4.4 Perbandingan min markat ujian pra dan ujian lepas 110

4.5 Keputusan Analisis Varians (ANOVA) sehala 112

4.6 Keputusan ujian Pos-Hoc 114

BAB 5 : PERBINCANGAN & RUMUSAN

5.1 Pendahuluan 118

5.2 Perbandingan prestasi kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan 119

5.3 Perbandingan berdasarkan min markat ujian pra dan ujian lepas 130

5.4 Perbandingan kesan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali 132

5.5 Rumusan 135

5.6 Cadangan 136

SENARAI RUJUKAN 140

LAMPIRAN-LAMPIRAN 151

Lampiran A : Ujian Pencapaian Ibadat 151

Lampiran B : Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam (bahagian Ibadat) 158

Lampiran C : Tajuk-tajuk Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) 160

Lampiran D : Tajuk dan isi pelajaran (olahan) 161

Lampiran E : Senarai lut sinar 170

Lampiran F : Data-data 195

Lampiran G : Gambar-gambar di sekitar pengajaran Ibadat 198

# SENARAI RAJAH DAN JADUAL

## Senarai Rajah


| | | | |
|---|---|---|---|
| Rajah 2.1 | : | Kon pengalaman Dale | 56 |
| Rajah 2.2 | : | Model pengajaran ibadat | 63 |
| Rajah 3.1 | : | Rekabentuk kajian | 72 |
| Rajah 3.2 | : | Prosedur kajian | 97 |
| Rajah 6.1 | : | Cara mengambil wuduk | 164 |
| Rajah 6.2 | : | Cara bertayammum | 166 |
| Rajah 6.2 | : | Cara menunaikan solat Subuh | 169 |


## Senarai Jadual


| | | | |
|---|---|---|---|
| Jadual 4.1 | : | Prestasi subjek dalam ujian pra | 106 |
| Jadual 4.2 | : | Markat minima, maksima & jumlah dalam ujian lepas | 107 |
| Jadual 4.3 | : | Min markat & sisihan piawai dalam ujian lepas | 108 |
| Jadual 4.4 | : | Perbezaan min markat kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan | 110 |
| Jadual 4.5 | : | Min markat ujian pra dan ujian lepas | 111 |
| Jadual 4.6 | : | Analisis Varians (ANOVA) sehala | 113 |

## Abstrak

Pengajaran Ibadat memerlukan kaedah yang tepat, sesuai, berkesan dan menarik supaya ia dapat difahami, dihayati dan diamalkan dengan sempurna dalam kehidupan pelajar. Kajian ini adalah untuk melihat dan mengkaji kesan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali bagi pengajaran Ibadat. Sampel terdiri daripada 95 orang pelajar Islam tingkatan satu daripada lima buah sekolah di Daerah Kuala Muda, Kedah. Mereka dibahagikan kepada empat kumpulan eksperimen iaitu kumpulan Video, kumpulan OHP, kumpulan Tunjukcara, kumpulan Amali dan satu kumpulan kawalan yang mana setiap satu kumpulan adalah dari sekolah yang berasingan. Olahan adalah dalam bentuk pengajaran tajuk-tajuk ibadat yang terpilih. Pengajaran dilaksanakan oleh guru-guru yang telah dipilih dan disampaikan dengan menggunakan kaedah pengajaran yang ditentukan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min-min markat semua kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Keputusan ini menunjukkan bahawa kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah satu kaedah yang berkesan dan baik untuk pengajaran ibadat. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan eksperimen sesama kumpulan eksperimen. Hal ini bererti bahawa kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah setanding.

# THE EFFECT OF VIDEOS, OHPS, DEMONSTRATIONS AND PRACTICALS METHODS FOR TEACHING 'IBADAT' (ISLAMIC EDUCATION KBSM) TO THE FORM ONE STUDENTS

## Abstract

The teaching of 'Ibadat' needs correct methods, which are suitable, meaningful and attractive to be understood, and later applied effectively in a student's life. This study is conducted to experiment the use of several methods such as Videos, Overhead Projectors (OHP), Demonstrations and Practicals in the teaching of 'Ibadat'. The sample consists of 95 Form One Muslim students from five schools in the Kuala Muda District, Kedah. They are divided into four experiment groups namely the Video, OHP, Demonstration, Practicals group and also one control group, where each member of these groups came from different schools. The topics taught (treatment) are various topics of 'Ibadat' which are specially chosen. The teaching was conducted by teachers who were selected and they used various teaching methodology. The outcome shows that there are significant differences at 'T' level of 0.05 probability between the experimental group and the control group. This signifies that the Video, OHP, Demonstration, Practical methodologies are good and effective for teaching 'Ibadat'. However there were no significant differences of the mean scores among the experimental groups. These would mean that Video, OHP, Demonstration and Practical are at par with other methodologies.

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Latar belakang

Ibadat atau ubudiah kepada Allah adalah merupakan matlamat penciptaan jin dan manusia (Assabuni, 1979; Fathi Yakan, 1981; Sayyid Qutb, 1981; Abdul Karim, 1984; Al Ghazali, 1991; Ishak, 1991; Az Zandani, 1992; Hamka, 1982; Abdul Ghani & Hassan, 1995) atau tugas utama manusia (Abu Bakar, 1994). Allah tidak menjadikan jin dan manusia sia-sia tanpa sesuatu tujuan.

Firman Allah, maksudnya :

> "Maka apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu main-main saja dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami"
>
> (Surah Al Mukminun 23:116, Soenarjo, 1411H)

Sebaliknya Allah, pencipta manusia itu sendiri menegaskan bahawa jin dan manusia diciptakanNya dengan tujuan yang murni dan mulia iaitu untuk beribadat atau mengabdikan diri kepadaNya.

Firman Allah lagi, maksudnya:

> "Dan Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepadaKu"
>
> (Surah Azzariat 51:56, Soenarjo, 1411H)

Manusia dikehendaki menjadikan seluruh hidupnya, siang dan malam, pagi dan petang dan segala amal perbuatan serta aktiviti yang dijalankan sama ada percakapan, perbuatan atau niat sekalipun mestilah semata-mata memenuhi matlamat ibadat kepada Allah. Pendek kata mereka disuruh melaksanakan titah perintah Allah dan menjauhi atau meninggalkan perkara yang dilarang dan tidak diizinkan. Maka manusia yang melaksanakan ibadat dengan sempurna bererti ia telah menepati matlamat yang dikehendaki Allah dan ia akan mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. 'Itulah kejayaan yang besar' (Surah Al Buruj 85:11, Soenarjo, 1411H ).

Menurut Ibnu Taimiah (1983) para rasul yang diutuskan kepada setiap kaum semuanya mengajak manusia beribadat kepada Allah. Ini berdasarkan firman Allah, maksudnya:

> "Sesungguhnya Kami (Allah) telah mengutuskan kepada setiap umat seorang rasul yang menyeru 'sembahlah Allah (beribadat) dan jauhilah thaghut."
>
> (Surah An Nahl 16:36, Soenarjo, 1411H)

Oleh kerana ibadat merupakan matlamat penciptaan manusia dan merupakan perkara asasi dalam kehidupan di dunia ini, maka ia memerlukan usaha ke arah menjadikan ibadat sebagai satu amalan harian yang mulia dalam kehidupan yang memberi manfaat yang terbaik kepada manusia.

Salah satu cara menerapkan ibadat dalam kehidupan seharian ialah melalui pendidikan. Pendidikan Islam adalah satu mata pelajaran yang mengajar dan mendidik pelajar beribadat kepada Allah yang mana ibadat merupakan salah satu dari komponen dalam Pendidikan Islam.

Kejayaan pengajaran ibadat pula bergantung kepada kaedah pengajaran yang digunakan untuk mencapaikan objektif ibadat yang telah ditetapkan. Bagaimanapun setakat ini tiada kajian yang dijalankan untuk membuktikan mana-mana kaedah pengajaran yang paling baik dan berkesan untuk pengajaran ibadat. Jadi, kajian ini akan memenuhi sebahagian dari keperluan untuk mengemaskinikan keberkesanan pengajaran ibadat.

Kajian yang dijalankan ini adalah selaras dengan resolusi Seminar Pendidikan Islam Era 2020 (Tajul, 1993) yang menyarankan:

> "Selaras dengan perubahan dan pembangunan pesat yang berlaku kini dan akan datang, usaha-usaha ke arah mengkaji kelebihan dan kekurangan dan menyesuaikan pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah, maktab perguruan dan universiti perlu diberi perhatian serius."

Kajian ini adalah untuk menilai beberapa kaedah untuk melihat kesannya. Dengan itu dapatlah dikenalpasti manakah kaedah yang terbaik yang boleh digunakan untuk pengajaran ibadat.

## 1.2 Ibadat dalam Pendidikan Islam

### 1.2.1 Konsep Ibadat

Ulamak dan sarjana Islam dahulu dan sekarang telah membincangkan konsep ibadat dengan panjang lebar dalam tulisan-tulisan mereka. Mereka menjelaskan bahawa ibadat bukan terhad kepada ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sahaja tetapi merangkumi semua aktiviti hidup manusia yang baik.

Abu Bakar (1994) menjelaskan:

> "Tugas pengabdian atau ibadat kepada Allah bukan hanya solat, haji, puasa dan zakat atau ibadat dalam pengertian sempit itu tetapi beribadat dalam pengertian luas yang meliputi seluruh aktiviti hidup yang menjamin tercapainya kebahagiaan hakiki dan abadi dalam syurga di Akhirat kelak"

Hamka (1982) pula menjelaskan bahawa Allah menciptakan jin dan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah. Seluruh hidupnya hendaklah dijadikan ibadat. Beliau menukilkan pendapat Ibnu

Abbas r.a. seorang ahli tafsir termasyhur di kalangan sahabat bahawa 'erti untuk beribadat kepada Allah' (Surah Azzariat 51:56, Soenarjo, 1411H) ialah mengakui diri adalah budak (hamba) Allah, tunduk menurut kemahuan Allah, baik secara sukarela atau terpaksa namun kehendak Allah berlaku juga.'

Menurut Afzalur (1993) tujuan manusia diciptakan adalah untuk bekerja menurut arahan dan panduan daripada Tuhan mereka demi mencapai keredaanNya. Tujuan mereka semata-mata untuk mematuhi perintah Allah s.w.t. semampu yang mungkin dan untuk mendapat keredaanNya.

Fathi Yakan (1983) berpendapat bahawa:

> "Matlamat asal agama Islam ialah menjadikan manusia abdi kepada Allah semata-mata secara individu atau masyarakat"

Konsep ibadat yang lebih jelas yang merangkumi bentuk-bentuk amalan ialah definisi yang diutarakan oleh Ibnu Taimiah (1983) iaitu:

> "Ibadat ialah satu kata umum yang meliputi apa saja yang dicintai dan disukai Allah yang merangkumi seluruh ucapan dan perbuatan yang zahir mahupun batin seperti solat, zakat, puasa, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, berbakti kepada ibu bapa, menghubungkan silaturrahim, menunaikan janji, menyuruh yang baik, melarang yang mungkar, berperang melawan kekufuran dan kemunafikan, lemah lembut terhadap tetangga dan anak yatim, bersopan dengan orang miskin, musafir, hamba

> dan binatang serta doa, zikir, membaca Al Quran dan sebagainya"

Jadi ibadat adalah satu sistem yang mengatur hubungan seorang hamba dengan Tuhannya dan merupakan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah serta mensucikan jiwa (Fathi Yakan, 1981). Ini bererti setiap kerja yang dibuat dan aktiviti manusia mestilah mengikut peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah dan memastikan ia tidak terkeluar dari lingkungan 'keizinan' Allah. Manusia juga mestilah memastikan tiada aktiviti dan tindak-tanduknya yang melanggar ketetapan serta larangan Allah kerana itu bererti 'derhaka', bukan ibadat. Dengan perkataan lain, 'Allah berkehendakkan supaya manusia mengatur hidupnya dengan sempurna supaya menjadi ibadat iaitu dengan mengikut nilai-nilai yang ditentukan oleh Allah' (Zawawi 1984a) dan taat serta menurut perintahNya (Muhammad Qutb, 1983)

### 1.2.2 Jenis-jenis Ibadat

Al Bayanuni (1984) menjelaskan bahawa perkataan ibadat dari segi istilah Syarak digunakan dengan dua pengertian iaitu ibadat khusus dan ibadat umum. Ibadat umum ialah amal seorang hamba secara sukarela yang bertepatan dengan kehendak Allah manakala ibadat khusus pula

ialah amal-amal yang tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan sebagai latihan praktikal ke arah ketaatan yang sempurna. Ia dipanggil juga dengan syiar atau lambang ubudiah (lambang pengabdian diri kepada Allah). Ibadat khusus inilah yang dimaksudkan sebagai satu bidang dari bidang Syariat yang terdiri dari Akidah, Akhlak, Ibadat, Munakahat, Muamalat dan Jinayat. Ia juga dikenali sebagai satu mata pelajaran yang berasingan dalam tradisi keilmuan Islam. Dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), ibadat adalah salah satu dari komponen Ulum Syar'iah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Dari segi hukum, ibadat yang dituntut terbahagi kepada ibadat wajib seperti solat, zakat, puasa, haji dan lain-lain dan ibadat sunat seperti solat rawatib, sedekah, puasa sunat, umrah, korban, akikah dan lain-lain. Manakala perkara-perkara yang harus serta adat boleh ditingkatkan menjadi ibadat yang diganjari pahala apabila dilakukan dengan niat yang baik, bersesuaian dengan Syarak dan tidak bertentangan dengan mana-mana hukum dan kaedah Syarak (Al Qardhawi, 1978).

### 1.2.3 Kepentingan Ibadat

Menurut Mohd Nor (Jabatan Perdana Menteri,1989), ibadat atau memperhambakan diri kepada Allah adalah satu-satunya jalan bagi menyatakan iman dan takwa kepada Allah yang Amat Pemurah dan Berkuasa. Hamka (1982) berpendapat bahawa ibadat adalah sebagai satu tanda kesyukuran kepada Allah di atas anugerahNya yang menjamin hidup manusia. Manakala An Nahlawi (1989) menyatakan bahawa tujuan tertinggi ibadat ialah membezakan keperibadian manusia yang baik dan buruk. Jadi, ibadat adalah bertujuan menyatakan perhambaan diri dan pergantungan manusia hanya kepada Allah.

Kepentingan ibadat dapat dilihat dari bilangan perkataan ibadat di dalam Al Quran. Mengikut catatan Al Muqaddisi (1320H) di dalam Al Quran terdapat 63 perintah beribadat kepada Allah; 46 perintah secara langsung dan 17 perintah dalam bentuk pernyataan serta 44 larangan menyembah selain Allah atau melakukan syirik iaitu 42 perintah secara langsung dan 2 larangan dalam bentuk pernyataan. Semuanya menggunakan kata dasar 'ibadat'. Ini menunjukkan bahawa perintah beribadat adalah perintah yang sangat penting dan utama. 'Ia merupakan satu hakikat yang sangat besar' (Sayyid Qutb, 1981).

Melaksanakan ibadat dalam konsepnya yang luas bererti menyembah Allah, Tuhan sebenar yang menjadikan alam semesta dan manusia, suatu penyembahan dan pengabdian diri yang betul dan menepati tujuan yang dikehendaki oleh pencipta. Manusia yang melaksanakannya dianggap manusia yang beramanah dan bertanggungjawab kepada Tuhannya. Keengganan beribadat atau beribadat kepada selain pencipta dan Tuhan yang sebenar iaitu Allah adalah melakukan jenayah yang paling besar yang tidak dapat diampuni (Surah Luqman 31:13, Soenarjo, 1411H)

Menurut Abu Bakar (1994) dan As Shiddiqy (1994), beribadat adalah hak Allah yang wajib ditunaikan oleh manusia selama hidupnya di dunia ini. Beribadat kepada Allah memberi makna yang sangat besar dalam hidup ini yang 'kalau tidak ini yang kita kerjakan, tidaklah ada ertinya hidup kita yang terbatas di dunia ini' (Hamka, 1982). Hidup tanpa beribadat akan menjadi sia-sia tanpa arah tujuan dan menjadikan seseorang manusia itu jahat dan derhaka.

Menurut Al Bayanuni (1984), manusia yang terdiri dari roh, akal, fitrah dan jasad jelas memerlukan makanan masing-masing. Makanan jasad adalah benda, makanan roh, akal dan fitrah adalah ibadat. Makanan roh tidak dapat menggantikan makanan jasad. Begitu juga makanan jasad

(benda) tidak dapat memenuhi keperluan roh, akal dan fitrah kecuali beribadat kepada Allah. Fathi Yakan (1981), menganggap ibadat sebagai amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah, dapat mensucikan jiwa dan meningkatkan martabat manusia menjadi mulia dan sempurna.

Sementara itu, orang yang beribadat kepada Allah diberi jolokan 'abdun' atau hamba yang disayangi dan dicintai. Mengikut catatan Al Muqaddisi (1320H/1899M) terdapat 48 perkataan 'hamba' di dalam Al Quran yang bermaksud hamba Allah, menunjukkan 'hamba' adalah panggilan timangan atau kesayangan Allah kepada para rasul, nabi dan orang yang saleh yang taat kerana mereka telah mencapai tahap ibadat yang sempurna dan terbaik. 'Beribadat kepada Allah adalah setinggi-tinggi darjat yang dicapai oleh manusia' (Abdul Karim,1984)

Dengan yang demikian, setiap manusia mestilah beribadat kepada Allah dengan sempurna sehingga ia dikasihi dan dicintai oleh Allah, 'Allah merestui mereka dan mereka meredai Allah' (Surah Al Bayyinah 98:8, Soenarjo, 1411H). Hubungan mereka dengan Allah akan sentiasa teguh dan kukuh serta tidak putus. Jadi, ibadat menjadikan mereka hidup berpanduan dan 'akan mencapai

kesempurnaan dan kebahagiaan yang dijanjikan di dunia dan di Akhirat.' (Abdul Karim, 1984).

Dari segi hikmat, terlalu banyak hikmat dan kesan-kesan positif yang dibawa atau yang terhasil dari ibadat. Di antaranya, ibadat yang benar dan baik akan menyuburkan dan mengukuhkan iman (Abu Bakar, 1994). Dengan ibadat juga tubuh badan akan menjadi sihat, akhlak dapat diperbaiki dan dibersihkan dari sifat-sifat yang keji (Jabatan Perdana Menteri, 1989).

Ibadat juga akan menjadi seseorang muslim itu bertakwa dan takut kepada Allah yang merupakan sebaik-baik bekalan yang akan menjamin kebahagiaannya di Akhirat (Al Alusi, 1987). Menurut Mustafa (1985) ibadat menjadi bekalan yang menyucikan jiwa, melepasi segala tarikan duniawi dan menolong kita mengatasi segala rintangan dan menjauhi segala kelemahan dan penyelewengan. 'Hubungan dengan Allah yang berterusan akan mencapai keamanan dan ketenteraman dan menyelamatkan kehidupan seorang muslim dari kacau bilau dan haru-biru.' Ibadat juga 'mengajar ketaatan, peraturan, kesucian hati dan kebersihan' (Muhammad Jamaluddin, tanpa tarikh). Abdul Halim (1991) pula menjelaskan bahawa ibadat khusus melatih manusia sentiasa bersih, menjaga masa, menjaga peraturan dan melatih

melaksanakan sesuatu dengan teliti. Ingat kepada Allah dalam ibadat mengarahkan tindak-tanduk yang sesuai dengan hukum Allah dan dapat meredakan gejolak nafsu.

Selain itu, orang yang beribadat akan mendapat kesucian diri dari sebarang dosa dan kebersihan fizikal. Allah berfirman:

> "Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertaubat dan mengasihi orang yang membersihkan diri"
>
> (Surah Al Baqarah 2:222, Soenarjo, 1411H)

Ia juga akan mendorong seseorang itu untuk memakan hanya makanan yang halal dan baik serta mensyukuri nikmat-nikmat Allah (Surah Al Baqarah 2:172, Soenarjo, 1411H).

### 1.2.4 Falsafah Pendidikan Islam

Falsafah adalah perkara yang paling penting dalam pendidikan kerana ia menentukan halatuju pendidikan. Segala perancangan mestilah berasaskan falsafah yang telah ditentukan. Ia menjadi panduan kepada setiap orang yang terlibat dengan pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Guru atau pendidik perlu memahami dan menghayatinya sebelum ia dilaksanakan dalam pengajaran.

Pendidikan Islam mempunyai falsafahnya sendiri kerana ia adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bahkan sebenarnya ia mempunyai ruang lingkup yang sangat luas merangkumi semua mata pelajaran. Ini kerana Pendidikan Islam tidak memisahkan ilmu-ilmu agama dan akademik dan tidak memisahkan pendidikan formal dan tidak formal (Syed Ali, 1994).

Dalam konteks Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan Falsafah Pendidikan Islam seperti berikut:

> "Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat."
>
> (Kementerian Pendidikan Malaysia, Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, 1988)

### 1.2.5 Matlamat Pendidikan Islam

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan matlamat Pendidikan Islam iaitu:

> "Matlamat Pendidikan Islam adalah berdasarkan kepada Al Quran dan Sunnah untuk membentuk dan memperkembang

> insan supaya menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa."
>
> (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam,
> Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Jelas dari pernyataan matlamat Pendidikan di atas, bahawa Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan hamba Allah yang hidup berlandaskan wahyu iaitu Al Quran dan Hadis, generasi yang membentuk keperibadiannya berasaskan wahyu supaya menjadi orang yang diredai atau disukai Allah iaitu orang yang beriman, bertakwa, berakhlak mulia dan beramal soleh. Ilmu adalah merupakan asas penting yang perlu diperolehi untuk pembentukan ini kerana ia adalah acuan dan bentuk yang mesti diikuti.

### 1.2.6 Objektif Pendidikan Islam

Buku Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM (1988) telah mencatatkan objektif Pendidikan Islam KBSM. Di antaranya ialah:-

a) Memperkukuh kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati Al Quran yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah.

b) Memahami konsep ibadat dan mengamalkannya dengan betul dan sempurna.

c) perkukuh dan mempertingkat amalan ibadat solat dan ibadat-ibadat lain yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah

d) Memahami, mengamalkan dan menghayati Islam sebagai cara hidup.

### 1.2.7 Ibadat Dalam Pendidikan Islam

Pendidikan Islam KBSM mengandungi dua bidang iaitu Tilawah Al Quran dan Ulum Syar'iah. Ulum Syar'iah mengandungi Aqidah, Sifat dan Cara Hidup Islam, Ibadat dan Sirah. Jadi, Ibadat adalah merupakan satu komponen penting dalam Pendidikan Islam kerana ia merupakan amalan yang terhasil dari dasar-dasar iman dan akidah yang betul yang disemai dan dihayati terus-menerus.

Kandungan Ibadat dalam sukatan pelajaran tingkatan satu hingga lima terutama yang menyangkut tentang Fardu Ain sudah lengkap untuk dijadikan amalan dan penghayatan dalam kehidupan seorang pelajar di peringkat ini (lihat lampiran A). Ia merangkumi rukun-rukun Islam iaitu solat, zakat, puasa dan haji serta perkara yang berkaitan dengan syarat sah ibadat seperti bersuci dari najis dan hadas, istinjak, tayammum dan mandi wajib dan sunat. Ia meliputi juga solat yang melibatkan ahli masyarakat iaitu solat Jumaat, solat Jamaah dan solat

Jenazah. Dimasukkan juga solat dan puasa sunat. Terdapat juga topik-topik mengenai ibadat solat dalam keadaan tertentu seperti solat ketika sakit (solat sambil duduk, mengiring, melentang, isyarat mata dan hati), solat ketika musafir (qasar dan jamak), solat khusus untuk meminta pertolongan Allah (solat Hajat) dan solat ketika dalam peperangan (solat Khauf). Selain dari itu, perkara-perkara wajib yang diperlukan dalam kehidupan harian yang berhubung dengan makanan yang halal seperti sembelihan dan ibadat yang bertujuan melahirkan kesyukuran dan pengorbanan serta sebagai sumbangan kepada masyarakat seperti akikah dan korban, juga dimasukkan.

Bahkan sistem kekeluargaan yang biasanya dipelajari dalam bidang munakahat (sistem perkahwinan) dimasukkan dalam bidang Ibadat untuk tingkatan lima. Ia mungkin untuk menunjukkan bahawa pembentukan keluarga perlu diberi perhatian penting dan dijadikan perkara utama yang perlu ditingkatkan nilainya menjadi ibadat yang mesti dilaksanakan mengikut hukum Syarak, bukan adat semata-mata. Ini amat sesuai dengan realiti masyarakat hari ini yang belum menganggap ususan perkahwinan dan pembentukan keluarga dan generasi muslim masa depan sebagai satu keutamaan yang mesti mengikut acuan Islam (Surah An Nisak 4:3 dan At Tahrim 66:6, Soenarjo, 1411H). Kita dapati soal perkahwinan hanya diajar secara

formal setelah penggubalan sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM tahun 1988. Bermula dari sinilah jabatan agama Islam negeri-negeri mengambil inisiatif menganjurkan kursus-kursus perkahwinan secara bersistem untuk bakal-bakal pengantin hingga ke hari ini.

## 1.3 Pernyataan masalah

Permasalahan kajian ini ialah adakah kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru Pendidikan Islam untuk mengajar Ibadat sesuai dan berkesan?. Adakah kaedah-kaedah yang sering digunakan dapat mencapai objektif pengajaran Ibadat dari segi perolehan ilmu, kefahaman dan pengamalan?. Adakah penggunaan kaedah-kaedah itu dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan dan membantu pembelajaran yang baik?.

Oleh kerana kaedah pengajaran dipilih berdasarkan objektif pengajaran yang ditetapkan (Abdul Rahim & Abdul Aziz,1992), maka kaedah yang diyakini dapat mencapai objektif pengajaran atau menimbulkan pembelajaran yang maksimum sepatutnya digunakan. Padahal kaedah yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam ialah kaedah Syarahan (64%), Perbincangan (16%) dan Soal-jawab (20%) (Abdullah Ishak,1982), membaca buku teks (63.5%) dan bercerita (56.7%) (Kementerian Pendidikan Malaysia,1985). Penggunaan kaedah Video dan OHP amat terhad (2.4% & 1.2%) (Muhammad

Khailani,1993). Tiada mana-mana pengkaji yang melaporkan penggunaan kaedah Tunjukcara dan Amali. Menurut Muhamad Khailani (1993) lagi sebahagian besar guru Pendidikan Islam menggunakan papan hitam dan buku teks sebagai media asas. Terdapat 44.7% dari mereka yang tidak pernah menggunakan OHP dan 56.5% yang tidak pernah menggunakan video.

Menurut Mohd. Sulaiman (1986) pula kelemahan yang paling ketara dalam pengajaran ibadat ialah corak pengajarannya yang lebih berpusatkan guru. Pengajaran disampaikan dalam bentuk syarahan atau kuliah teori. Menurutnya lagi amat sedikit malah boleh dikatakan tiada langsung kegiatan amali dijalankan. Pengajaran seumpama ini bertentangan dengan kaedah pengajaran Ibadat yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a yang mengajar ibadat secara praktikal (Muhammad Mustafa, 1989).

Justeru itu, kajian ini perlu dibuat untuk mengenalpasti keberkesanan mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai dan berkesan dalam pengajaran Ibadat. Kajian ini akan menumpukan kepada empat sahaja kaedah yang difikirkan sesuai dan berkesan iaitu kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali.

Di samping itu, pemilihan kaedah yang sesuai dan berkesan juga dapat mengatasi masalah minat pelajar kepada pengajaran Ibadat. Pengajaran Pendidikan Islam termasuk Ibadat selama ini kurang diminati oleh para pelajar

kerana pendekatan pengajaran yang tidak menarik. Kajian Azman (1987) menunjukkan 75% dari 995 pelajar tingkatan dua dan empat di 12 buah sekolah menengah bandar dan luar bandar tidak begitu berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini, menurutnya, kerana pengajaran guru yang kurang menarik. Pandangan beliau dikuatkan pula dengan kajian tinjauan mengenai guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994) yang mendapati pihak penggubal dasar menyalahkan kaedah pengajaran guru yang sehala, tidak dipelbagaikan dan tidak menggunakan alat bantuan mengajar yang menyebabkan pelajar berasa bosan. Keempat-empat kaedah yang dikaji kesannya ini adalah kaedah yang difikirkan dapat menarik minat pelajar kepada pengajaran Ibadat khasnya dan Pendidikan Islam amnya. Kaedah-kaedah ini melibatkan lebih banyak deria pelajar berbanding dengan kaedah syarahan dan lain-lain kaedah yang biasa diamalkan. Ia juga melibatkan pelajar secara aktif. Dengan itu, ia boleh menarik minat dan perhatian pelajar kepada pengajaran guru serta menghasilkan pembelajaran yang maksimum. Kaedah yang berkesan adalah kaedah yang dapat menghasilkan pembelajaran yang optima (James, 1975; Leela,1989).

Selain dari itu, penggunaan kaedah yang sesuai dan berkesan juga dijangka dapat mengatasi masalah penghayatan Ibadat yang belum sempurna dan memuaskan. Ibadat yang diajar kepada pelajar adalah untuk dihayati dan

diamalkan sebagai memenuhi tuntutan Syarak dan untuk memperolehi manfaatnya yang besar. Bagaimanapun pencapaian objektif pengajaran Ibadat di sekolah menengah masih kurang memuaskan. Penghayatan Ibadat secara lengkap dan sempurna masih di tahap yang tidak memuaskan (Jawiah & Aziz, 1996). Ia menjadi masalah besar kepada Pendidikan Islam kerana ternyata objektif pengajaran Ibadat iaitu 'supaya menghayati dan mengamalkan Ibadat wajib dan sunat dalam kehidupan' tidak tercapai sepenuhnya. Di kalangan pelajar yang menunaikan ibadat contohnya solat, dorongan untuk menunaikannya dari pengajaran Ibadat sangatlah kurang. Kajian Normah (1992) mendapati kesedaran untuk menunaikan solat yang didapati dari pengajaran sangat sedikit iaitu 17.39%. Pendorong utama ialah ibu bapa (79.34%). Dapatan kajian ini membayangkan keberkesanan pengajaran Ibadat di sekolah adalah belum memuaskan. Dapatan kajian Normah (1992) ini selaras pula dengan kajian keberkesanan Pendidikan Islam di sekolah menengah vokasional (Jawiah & Aziz, 1996) yang mendapati 52% guru Pendidikan Islam sendiri kurang berpuashati dengan pencapaian Pendidikan Islam sekarang.

Kurangnya pengamalan dan penghayatan ibadat berhubung rapat dengan pengajaran Ibadat yang kurang menekankan aspek ini. Hal ini dilaporkan oleh Jawatankuasa Kabinet Kabinet Mengkaji Perlaksanaan dasar Pelajaran yang memperakukan:

> "Pendidikan Agama Islam sepertimana yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki. Dengan yang demikian kelemahan ini hendaklah diatasi."
>
> (Perakuan 126, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980)

Pengajaran guru lebih menekankan pengetahuan dan berorientasikan peperiksaan (Zainal,1994; Zawawi,1994b). Keadaan ini mempengaruhi pendekatan pengajaran dan kaedah mengajar yang digunakan. Tidak hairanlah jika kaedah yang menjurus kepada amalan seperti kaedah Tunjukcara, Amali, Video dan OHP tidak diamalkan.

## 1.4 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

a) Adakah terdapat perbezaan yang siginifikan di antara min markat kumpulan eksperimen dengan min markat kumpulan kawalan dan adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat sesama kumpulan eksperimen?

b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

e) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Amali dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

f) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan OHP berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

g) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Tunjukcara berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

h) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Tunjukcara berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

j) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

k) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat?.

## 1.5 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan melihat dan mengkaji kesan kaedah pengajaran iaitu kaedah Video, kaedah OHP, kaedah Tunjukcara dan kaedah Amali bagi pengajaran Ibadat. Adakah keempat-empat kaedah yang dikaji itu berkesan bagi pengajaran ibadat dan adakah keempat-empat kaedah ini memberi kesan yang sama atau berbeza di antara satu sama lain?. Dengan perkataan yang lain, dengan kajian ini dapat dikenalpasti kaedah pengajaran ibadat yang berkesan dan yang paling berkesan atau terbaik. Dengan itu kaedah tersebut bolehlah diketengahkan dengan yakin untuk dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah.

## 1.6 Kepentingan kajian

Menurut Huczynski (1982), Zaidatul dan Habibah (1990), Abdul Rahim dan Abdul Aziz (1992) dan Coombs (1992) tidak ada satu kaedah yang boleh dikatakan sebagai kaedah terbaik untuk semua pelajaran dan objektif. Guru perlu memilih kaedah yang tepat dan berkesan dan sesuai agar penyampaiannya lebih berkesan dan menarik. Oleh itu, menurut Abdul Rahim & Abdul Aziz (1992) kaedah yang berbagai-bagai perlu dicuba supaya dapat diketahui keberkesanannya dan kesesuaiannya dengan sesuatu topik atau mata pelajaran.

Kajian ini adalah satu usaha mencuba, mengkaji dan seterusnya memilih kaedah yang paling sesuai dan berkesan bagi pengajaran Ibadat. Keputusan yang dibuat berdasarkan hasil kajian dapat dipercayai dan diterima kerana ia terbukti melalui kajian yang sah.

Pemilihan kaedah pengajaran yang tepat, sesuai dan berkesan sangat penting dalam pengajaran Ibadat kerana pembelajaran Ibadat adalah untuk dihayati, diamalkan dan dilaksanakan dalam kehidupan harian. Pengajaran yang betul dengan kaedah yang berkesan diharapkan akan mempunyai pengaruh yang besar kepada pelajar untuk menghayatinya dalam kehidupan mereka hingga

dewasa di samping mengekalkan perhatian dan minat pelajar kepada pengajaran Ibadat.

Tambahan pula pembelajaran Ibadat memerlukan tunjukajar dan bimbingan yang teliti dan berterusan. Hal ini adalah untuk memastikan pelajar dapat melaksanakan ibadat dengan betul, sempurna dan istiqamah terus menerus dalam kehidupannya. Kaedah-kaedah yang dikaji ini dikira dapat memenuhi tuntutan ini. Kaedah-kaedah ini bukan sahaja berkesan untuk mencapai objektif pengajaran ibadat tetapi diharap dapat membawa kepada pengamalan yang seterusnya menjadi budaya dalam kehidupan pelajar. Ibadat yang dilaksanakan secara istiqamah akan menjadikan pelajar seorang yang cemerlang dalam kehidupan sama ada dari segi rohani, intelektual atau kemasyarakatan.

## 1.7 Hipotesis kajian

Dalam kajian ini, hanya satu hipotesis sahaja yang diuji. Hipotesis itu ialah:

> ***Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.***

Perincian hipotesis ini adalah seperti berikut:

i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

iv) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Amali dengan min markat kumpulan kawalan berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

v) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan OHP berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

vi) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Tunjukcara berdasarkan ujian pencapaian Ibadat.

vii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

viii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Tunjukcara berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

ix) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

x) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan Amali berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

## 1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian menggambarkan kekurangan-kekurangan kajian yang dijalankan.

a) Kawasan kajian hanya terhad kepada lima buah sekolah menengah dalam daerah Kuala Muda, Kedah sahaja. Manakala sampel kajian hanya terdiri dari pelajar-pelajar Islam tingkatan satu sahaja. Jadi, dapatan kajian hanya dapat digeneralisasikan kepada pelajar tingkatan satu dan dalam daerah Kuala Muda sahaja. Oleh kerana sampel kajian hanya melibatkan pelajar

Islam sahaja sudah tentu ia tidak dapat digunakan untuk pelajar bukan Islam.

b) Olahan kajian hanya melibatkan perkara yang berkaitan Ibadat yang berbentuk amali sahaja. Oleh itu, ia hanya dapat digeneralisasikan kepada Ibadat yang berbentuk amali sahaja. Ia tidak boleh digeneralisasikan kepada perkara bukan ibadat yang tidak berbentuk amali.

c) Kajian ini adalah kajian eksperimen yang menggunakan satu set rancangan pelajaran yang ditetapkan sebagai program olahan. Ia termasuklah penggunaan pita video yang digunakan untuk mengajar kumpulan Video. Dengan itu, ia terbatas kepada program olahan ini sahaja.

d) Alat kajian yang digunakan ialah soalan-soalan objektif yang meliputi lima tajuk yang berhubung dengan ibadat iaitu najis, beristinjak, berwuduk, bertayammum dan solat Subuh. Justeru itu, hasilnya terbatas kepada penggunaan alat kajian ini sahaja.

## 1.9 Definisi Operasi

### a) Kaedah Pengajaran

Kaedah bermaksud satu cara pengajaran yang tersusun yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pelajaran bagi mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan.

**b) Kaedah Video**

Kaedah video dalam kajian ini merujuk kepada satu cara pengajaran guru yang menggunakan tayangan video untuk menjelaskan isi pelajaran bagi mencapai objektif pelajaran. Tayangan video diselang seli dengan soal jawab dan perbincangan. Tayangan video dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan tajuk. Di akhir pelajaran guru menilai pencapaian pelajar dengan mengemukakan beberapa soalan dan seterusnya menutup pelajaran.

**c) Kaedah OHP**

OHP (overhead projector) ialah sebuah projektor lut sinar (transparensi) yang boleh menayangkan gambar atau imej ke skrin atau dinding melangkaui kepala penggunanya (Adam & Ismett, 1986). Kaedah OHP bermaksud guru mengajar dengan menggunakan OHP atau lut sinar. Guru menjelaskan sesuatu dengan menggunakan tayangan lut sinar yang telah disediakan. Tayangan lut sinar disertakan penerangan serta soal jawab dan perbincangan.

**d) Kaedah Tunjukcara**

Kaedah tunjukcara ialah satu cara pengajaran yang digunakan oleh guru terutama untuk menunjukkan sesuatu kemahiran motor atau amalan atau proses langkah demi langkah melalui model atau alat bantuan mengajar. Dalam konteks kajian ini, guru sendiri menunjukcara bagaimana melakukan sesuatu Ibadat langkah demi langkah sambil diperhatikan oleh pelajar.

**e) Kaedah Amali**

Kaedah Amali adalah satu kaedah pengajaran yang melibatkan pelajar secara aktif. Kaedah Amali bermaksud satu bentuk pengajaran guru dengan menunjukkan sesuatu kemahiran yang diikuti pula oleh pelajar. Pelajar meniru atau melakukannya seperti yang ditunjukkan. Serentak itu guru bertindak membetul dan menyempurnakan jika tidak betul atau tidak sempurna. Jadi, amali ialah mengulangi sesuatu kemahiran atau proses seperti yang ditunjukkan oleh guru mengikut prosedur atau cara tertentu.

**f) KBSM**

KBSM adalah kata ringkas dari 'Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah' iaitu satu kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menggantikan kurikulum lama di peringkat sekolah menengah. KBSM mula dilaksanakan pada tahun 1988, lanjutan dari Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang dilancarkan pada tahun 1982. Ia merupakan terjemahan kepada Falsafah Pendidikan Negara. KBSM mengutamakan perkembangan potensi seseorang secara bersepadu dan menyeluruh. Dalam kurikulum ini, mata pelajaran dibahagikan kepada mata pelajaran teras dan elektif. Mata pelajaran teras wajib diambil oleh semua pelajar manakala mata pelajaran elektif boleh dipilih (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

**g) Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam pada asalnya bukan satu mata pelajaran khusus seperti yang dikenali hari ini. Ia adalah satu bentuk pendidikan yang mempunyai konsep yang sangat luas yang bertujuan membentuk manusia menjadi hamba Allah yang baik. Ia merangkumi pendidikan jasmani, rohani, emosi dan akli.(As Syaibani 1970). Oleh itu, manhajnya terdiri dari mata pelajaran apa yang dikenali hari ini dengan akademik dan agama. Kedua-

duanya adalah dalam satu komponen yang tiada garis pemisah. Kedua-duanya dipelajari dengan matlamat yang sama iaitu untuk menyempurnakan pengabdian diri kepada Allah.

Terdapat dua bentuk Pendidikan Islam iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Kedua-dua bentuk pendidikan ini sama pentingnya untuk mendidik manusia menjadi hamba Allah. Jadi, Pendidikan Islam adalah pendidikan seumur hidup. Setiap detik dan peristiwa dalam hidup adalah dianggap pendidikan untuk mematangkan manusia. Sebab itu setiap manusia akan diuji dengan kesusahan dan kesenangan, sakit dan sihat, mala petaka dan kemalangan, kewajipan dan tanggungjawab dan sebagainya untuk menguji keimanan dan kesabaran seseorang manusia. Orang yang melepasi ujian ini akan diampunkan dosanya dan dinaikkan pangkat atau darjatnya di sisi Allah (Abdullah Basmeih, 1996)

Dalam kontek Pendidikan Islam di Malaysia ia adalah salah satu mata pelajaran teras Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Ia adalah mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar Islam di semua peringkat persekolahan.

Pendidikan Islam KBSM dibahagikan kepada dua bidang utama iaitu Tilawah Al Quran dan Ulum Syar'iah. Ulum Syar'iah pula mengandungi Aqidah, Sifat dan Cara Hidup Islam, Ibadat dan Sirah (menengah rendah) atau Tamadun Islam (menengah atas) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). (Rujuk juga Bab 2).

**h) Olahan**

Olahan dalam kajian ini merujuk kepada satu program pengajaran yang dibentuk untuk dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen. Ia berbentuk pengajaran ibadat mengenai tajuk-tajuk dan isi pelajaran yang telah ditentukan. Olahan dijalankan oleh seorang guru bagi setiap kumpulan (Rujuk Bab 3).

**i) Kumpulan Eksperimen**

Kumpulan eksperimen ialah kumpulan yang dikenakan olahan. Setiap kumpulan diajar mengikut kaedah yang tertentu iaitu kaedah Video, kaedah OHP, kaedah Tunjukcara dan kaedah Amali. Ini bererti terdapat empat kumpulan eksperimen iaitu kumpulan Video, OHP, Tunjukcara dan Amali (Rujuk Bab 3).

### j) Kumpulan Kawalan

Kumpulan kawalan ialah kumpulan yang tidak diberikan sebarang olahan (Cates, 1990). Mereka tidak menerima pengajaran mengenai tajuk-tajuk yang diajar kepada kumpulan eksperimen. Mereka hanya diberi ujian pra sebelum kajian dijalankan dan ujian lepas selepas tamat tempoh olahan kumpulan eksperimen. Dalam kajian ini hanya terdapat satu sahaja kumpulan kawalan. Tujuan diwujudkan kumpulan ini ialah untuk melihat perubahan ke atas kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan ini. Perbezaan markat kumpulan eksperimen yang lebih besar berbanding kumpulan kawalan menunjukkan terdapat kesan olahan (Weiss, 1972).

# BAB 2

# TINJAUAN KAJIAN LEPAS

## 2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian yang telah dijalankan oleh sarjana dan pendapat mereka yang berhubung dengan kaedah-kaedah pengajaran yang dikaji dan perkara yang berkaitan. Juga dibincangkan kaedah-kaedah dalam pengajaran Pendidikan Islam dan Ibadat dan pengajaran dalam KBSM.

## 2.2 Kaedah pengajaran

Colman (1967) mendefinisikan kaedah pengajaran sebagai satu sistem yang tersusun yang dilaksanakan oleh guru untuk menghasilkan sesuatu perubahan atau kesan. Abdul Raof (1992) menyimpulkan kaedah pengajaran sebagai 'cara penyampaian untuk mencapai matlamat dan objektif pengajaran yang ingin dicapai' manakala Azman (1987) menyatakan bahawa kaedah ialah 'satu perancangan yang sistematis secara keseluruhan untuk menyampaikan bahan pengajaran'. Jadi, kaedah pengajaran adalah cara yang tersusun yang digunakan oleh guru untuk mencapai objektif pengajaran.

Musa (1992) menyifatkan kaedah ibarat senjata yang digunakan oleh guru mengikut kesesuaian dalam pengajarannya. Terdapat berbagai kaedah pengajaran. Colman (1967) telah menghuraikan lebih dari sepuluh kaedah di antaranya kaedah memori, kaedah syarahan, kaedah sokratik, kaedah perbincangan, penyelesaian masalah, kaedah projek, Kaedah Montesori, kajian kes, kaedah komunis, bercerita dan lain-lain. Mak Soon Sang (1993) pula telah menghuraikan kaedah kelas, kaedah individu, kaedah kumpulan, kaedah deduktif, kaedah induktif, kaedah perbincangan, kaedah tunjukcara, kaedah penyelesaian masalah, kaedah inkuiri, kaedah penemuan, kaedah sumbangsaran, kaedah simulasi atau lakonan, kaedah projek dan kaedah bercerita.

Kaedah pengajaran merupakan satu komponen utama yang menjayakan objektif sesuatu pengajaran. Ia merupakan alat yang digunakan untuk mencapai objektif pengajaran. Tanpa kaedah sesuatu pengajaran tidak akan mencapai objektifnya. Menurut Musa (1992), kaedah sama pentingnya dengan objektif pengajaran dan kurikulum. Katanya: 'betapa baik sekalipun kurikulum dan sukatan pelajaran, jika tidak digerakkan oleh kaedah yang betul dan guru yang baik, tidak ada gunanya'. Pencapaian objektif dan penyampaian yang berkesan bergantung kepada penyampaian yang baik dan kaedah yang sesuai dan betul (Brown & Clark, 1977; Zawawi, 1984a; Levine & Ornstein, 1990; Abdul Rahim & Abdul Aziz, 1992,). Kaedah juga merupakan faktor yang penting untuk menjamin pembelajaran yang optimum. Jika seorang guru menggunakan kaedah yang

sama setiap hari sudah tentu tidak menghasilkan pembelajaran yang memuaskan (Azman, 1987).

Bagaimanapun tidak ada kaedah yang sesuai untuk semua objektif dan kemahiran. Abdul Raof (1992) berkata 'tidak ada sesuatu kaedah yang bermanfaat untuk semua matlamat pendidikan, untuk semua macam ilmu dan kemahiran, untuk semua peringkat pendidikan, untuk semua guru dan pendidik, untuk semua keadaan dan suasana di sekitar proses pengajaran'. Satu kaedah mungkin sesuai untuk sesuatu mata pelajaran atau tajuk tetapi mungkin tidak sesuai untuk mata pelajaran atau tajuk yang lain. Oleh itu, guru perlu mengenalpasti satu atau beberapa kaedah yang sesuai supaya menjamin kelancaran pembelajaran. Justeru itu, Leela (1989) menegaskan bahawa 'guru yang baik sentiasa berusaha mengubahsuai kaedah dan strategi pengajaran supaya pembelajaran yang optimum terjamin'. Bahkan 'tidak ada salahnya guru-guru mencipta kaedah sendiri...' (Abdul Raof ,1992)

Seperti yang dijelaskan bahawa kaedah berkait rapat dengan objektif. Sesuatu pengajaran itu dikatakan berkesan jika objektifnya tercapai. Menurut James (1975) 'suatu pengajaran disebut berhasil baik kalau pengajaran itu membangkitkan proses belajar yang efektif'. Objektif pengajaran ialah untuk menghasilkan pembelajaran. Jadi, kaedah pengajaran yang dipilih mestilah berdasarkan objektif pengajaran yang ditentukan (Abdul Rahim & Abdul Aziz,

1992). Setelah objektif ditentukan barulah kaedah pengajaran dipilih sama ada satu atau beberapa kaedah yang sesuai yang digabungkan.

Dalam pemilihan kaedah, guru perlu juga meneliti minat pelajar kerana kaedah juga mempunyai pengaruh ke atas minat pelajar manakala minat pula mempengaruhi pembelajaran yang baik (Azman, 1987; Zaidatul & Habibah, 1990; Abdul Rahim & Abdul Aziz, 1992). Masalahnya, ada kaedah yang dapat mencapai objektif dengan cepat tetapi tidak menarik dan ada kaedah yang menarik tetapi pencapaian objektifnya agak lambat (Abdul Rahim & Abdul Aziz, 1992). Jika kaedah yang dipilih tidak menarik, pembelajaran yang maksimum tidak berlaku dan boleh menggagalkan objektif ( Zaidatul & Habibah, 1990). Oleh itu, kedua-dua faktor itu perlu dipertimbangkan. Menggabungkan beberapa kaedah dalam satu masa supaya pengajaran menarik dan sekaligus tercapai objektif pengajaran bolehlah dijadikan satu formula penyelesaiannya.

Betapa pentingnya penyesuaian dan penggabungan kaedah dapat dilihat dengan jelas jika kita bahagikan kaedah kepada kaedah orientasi pelajar dan kaedah orientasi guru yakni suatu kaedah yang lebih banyak melibatkan pelajar dan kaedah yang lebih banyak melibatkan guru. Sudah pastilah kaedah orientasi pelajar lebih menarik (Tajul, 1993) dan perlu diutamakan. Kaedah orientasi

guru adalah kaedah lama yang kurang menarik tetapi jika digabungkan ia mampu mencapai objektif yang maksimum dan sempurna.

## 2.3 Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam

Pendidikan Islam adalah satu bentuk pendidikan yang luas merangkumi pendidikan formal dan tidak formal. Dua bentuk pendidikan ini tidak terpisah tetapi berjalan serentak dan selari ke arah matlamat yang sama. Dari kecil kanak-kanak Islam dididik secara tidak formal oleh ibu bapa; satu kewajipan yang diwajibkan oleh Islam, sehinggalah mereka dihantar ke sekolah. Di sekolah mereka menerima pendidikan formal, pada masa yang sama di luar sekolah mereka dididik secara tidak formal. Begitu juga setelah mereka meninggalkan bangku sekolah, masyarakat dan pemimpin pula mengambil alih tanggungjawab membimbing dan mengajar mereka. 'Pendidikan seumur hidup' ini adalah merupakan ruang lingkup konsep Pendidikan Islam dan tanggungjawab ke atas pendidik Muslim.

Justeru itu, didapati kebanyakan karya ulamak, sarjana dan pendidik Muslim lebih menumpukan perbincangan kepada kaedah pendidikan. Tidak banyak yang membincangkan kaedah pendidikan formal atau kaedah pengajaran. Dengan kata lain, mereka tidak membezakan kaedah pendidikan dengan kaedah pengajaran dalam kelas formal.

Mengenai kaedah pendidikan Islam, Abdullah Nasih (1990) menyimpulkan bahawa Pendidikan Islam mempunyai lima kaedah yang utama iaitu kaedah menunjukkan contoh teladan, kaedah pembiasaan, kaedah nasihat, kaedah pemerhatian atau pengawasan dan kaedah hukuman atau dendaan. Kaedah ini merujuk kepada kaedah pendidikan secara umum meliputi pendidikan tidak formal yang sangat dipentingkan oleh Islam.

Dalam tradisi keilmuan dan pendidikan Islam, kaedah pengajaran yang digunakan sejak zaman Rasulullah s.a.w. ialah kaedah syarahan, hafalan, perbincangan, soaljawab (dialog), perdebatan, pengembaraan, kaedah pandang dengar dan halakah (kumpulan) (Abdullah Ishak,1989). Hassan Langgulung (1995) menambah beberapa kaedah lagi iaitu kaedah nasihat atau tunjukajar, kaedah bercerita dan kaedah tamsil dan ibarat.

Kaedah syarahan adalah kaedah yang paling popular dalam sejarah pendidikan Islam. Ia digunakan secara meluas untuk menyampaikan ilmu, menerangkan konsep, memberi semangat atau motivasi dan memberi nasihat. Khutbah Jumaat, khutbah hari raya puasa, hari raya korban, khutbah solat gerhana matahari dan bulan, khutbah Arafah, khutbah nikah dan ceramah agama adalah contoh-contoh kaedah syarahan yang masih diamalkan hingga sekarang. Menurut Abdullah Ishak (1989) yang mengkaji penggunaan kaedah, terdapat

64% guru Pendidikan Islam di Kedah yang menggunakan kaedah ini kerana ia menjimatkan masa dan dapat menghabiskan sukatan pelajaran.

Kaedah hafazan adalah satu kaedah yang sangat penting terutama untuk memelihara Al Quran dan hadis supaya tidak dipinda, ditambah atau hilang lenyap. Rasulullah s.a.w. dan kebanyakan sahabat adalah hafiz (penghafaz) Al Quran. Para sahabat juga menghafaz hadis-hadis Rasulullah s.a.w., syair Arab dan berbagai jenis ilmu. Begitu juga para pengikut sahabat dan umat Islam amnya hingga dewasa ini masih menggunakan kaedah ini. Hafazan sangat penting untuk dijadikan rujukan segera dan mudah dikeluarkan apabila perlu atau untuk mengajar. Oleh itu, umat Islam yang prihatin melatih anak-anak menghafaz Al Quran sejak kecil lagi.

Kaedah nasihat, tunjukajar, bercerita, ibarat (perbandingan) dan tamsil (perumpamaan) adalah kaedah pendidikan Al Quran. Al Quran mendidik nabi, para sahabat dan umat Islam dengan kaedah-kaedah tersebut. Dalam Al Quran penuh dengan kata-kata nasihat dan tunjukajar dengan berbagai gaya bahasa, cerita-cerita dan sejarah umat terdahulu yang beriman dan kufur, asal usul manusia dan sebagainya. Bahkan nama-nama surah seperti Al Baqarah, Hud, Lut, Ibrahim, Luqman, Yusuf dan lain-lain menggambarkan kandungannya adalah kisah-kisah benar untuk dijadikan pengajaran kepada orang yang taat

dan takut kepada Allah (Soenarjo, 1411H). Kaedah ini sangat diminati oleh manusia khasnya kanak-kanak.

Selain dari itu, kaedah soaljawab dan perbincangan juga merupakan kaedah pengajaran pendidikan Islam yang masih diamalkan hingga ke hari ini. Allah S.W.T. melalui Al Quran dan Rasulullah s.a.w. melalui hadis banyak mengemukan persoalan kepada manusia supaya mereka berfikir, mencabar minda, mengambil pengajaran dan mendapatkan ilmu (Soenarjo, 1411H). Contohnya Allah bertanya: 'adakah Tuhan lain selain Allah' ( Surah Al An'am 6:60, Soenarjo, 1411H), tidakkah kamu mahu berhenti?' (Surah Al Maidah 5:94, Soenarjo, 1411H), adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?'(Surah Azzumar 39:9, Soenarjo, 1411H). Mengikut Abdullah Ishak (1989) kaedah soaljawab atau dialog digunakan oleh Hasan Basri, Wasil bin 'Athak, imam Abu Hanifah dan imam Malik di kalangan pengikut sahabat serta masih digunapakai oleh guru-guru Pendidikan Islam di pondok-pondok dan sekolah-sekolah di Malaysia.

Kaedah Tunjukcara dan Amali tidak dibincangkan sebagai satu kaedah pengajaran Pendidikan Islam atau Ibadat secara berasingan kecuali oleh beberapa sarjana seperti As Syaibani (1970), Muhammad Abdul Kadir (1981) dan Muhammad Salih (1983) tetapi ramai ulamak membicarakan kaedah

contoh teladan yang baik sebagai satu kaedah pendidikan. Kaedah Tunjukcara dan Amali bolehlah dikategorikan dalam kaedah ini.

Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. adalah teladan dan ikutan para sahabat dan seluruh manusia. Firman Allah:

> 'sesungguhnya pada diri Rasulullah terdapat teladan yang baik untuk kamu...'
>
> (Surah Al Ahzab 33:21, Soenarjo, 1411H)

Begitu juga para sahabat adalah menjadi contoh teladan yang baik yang diikuti kerana mereka telah dipuji oleh Allah sebagai generasi terbaik (Surah Ali Imran 3:110, Soenarjo, 1411H). Dalam konteks ini, guru mestilah menampilkan keperibadian yang baik untuk dicontohi oleh pelajar. Penampilan itu merupakan pendidikan yang berkesan.

Kaedah Tunjukcara dan Amali walaupun tidak diketengahkan dengan meluas tetapi hadis-hadis (Bukhari,1997; Muslim,1995) menunjukkan semua ibadat yang berbentuk amali diajar oleh Rasulullah s.a.w. kepada sahabat dan seterusnya para sahabat menyampaikannya kepada orang lain dengan kedua-dua kaedah ini. Dengan itu, kaedah Tunjukcara dan Amali adalah termasuk kaedah pengajaran yang penting yang diwariskan kepada umat Islam.

## 2.4 Kaedah Pengajaran Ibadat Dalam KBSM

Sebelum KBSM dilaksanakan, Pendidikan Islam yang dikenali pada masa itu dengan nama Pengetahuan Agama Islam lebih merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dan berorientasikan peperiksaan. Penghayatan dan pengamalan agama dan Ibadat kurang dititikberatkan (Zawawi, 1984a; Zainal, 1994). Perkara ini diperakukan sendiri oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran :

> "Pendidikan Agama Islam sepertimana yang dijalankan pada masa ini kurang menitiberatkan aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki. Dengan yang demikian kelemahan ini hendaklah diatasi"
>
> (Perakuan 126, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980)

Tetapi Pendidikan Islam era KBSM lebih menekankan amalan dan penghayatan Islam dari penyampaian ilmu semata-mata (Kementerian Pendidikan Malaysia, Pukal Latihan KBSM, 1990 & Zainal, 1994). Ini kerana penggubalan KBSM adalah mengambilkira syor dan cadangan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1980.

Mengenai keperluan amali, Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia telah menegaskan:

> "Generasi kini harus diberi pengetahuan yang cukup dan latihan rohani yang mantap bermula daripada masa persekolahan lagi. Berdasarkan reformasi pendidikan yang menekankan aspek keilmuan dan kemantapan rohani maka pendekatan amali dalam Pendidikan Islam mesti dipertingkatkan dan latihan itu mesti dilakukan seimbang di antara perkembangan akal, rohani, emosi dan fizikalnya. Untuk itu, persediaan asas untuk kemudahan latihan kerohanian mesti ditingkatkan kerana nilai-nilai kerohanian murni dan kesedaran terhadap tanggungjawab hanya dapat dibina melalui latihan-latihan kerohanian dan kejiwaan".
>
> ( Tajul, 1993)

Lantaran itu, satu peruntukan masa khas untuk 'amali' telah disediakan untuk membolehkan pelajar diajar dan dilatih untuk menunaikan Ibadat dengan sempurna. Berikutnya pula pada tahun 1995 Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) diperkenalkan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994). Ia bertujuan memastikan perkara-perkara asas dalam fardu ain dapat dikuasai dan dihayati dalam kehidupan dengan betul. Ia merupakan satu proses pengajaran-pembelajaran dan penilaian yang berterusan sepanjang tahun khasnya kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Oleh itu, pendekatan pengajaran juga mestilah berubah seperti yang ditegaskan oleh Sulaiman Daud:

> "Pendidikan Islam di negara ini mengalami perubahan dari segi corak persekolahan, kurikulum, dan juga pendekatan perkaedahan pengajaran dan pembelajaran."
>
> (Tajul, 1993)

Pukal Latihan KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia,1990) menyarankan supaya guru mengenalpasti strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam bilik darjah yang melibatkan pelajar secara aktif seperti latihan amali, tunjukcara, main peranan, simulasi, bercerita dan berbincang. Kaedah tunjukcara dan Amali termasuk dalam cadangan itu kerana ia merupakan kaedah yang sangat penting yang melibatkan pelajar secara aktif. Bahkan ia menjadi satu keperluan dalam pengajaran Ibadat yang berbentuk amali yang sukar ditanggapi tanpa tunjukcontoh dan dilakukan secara praktikal. Buku huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia,1988) juga menekankan kaedah ini tetapi masih sebagai satu alternatif bukan kemestian yang boleh dilaksanakan atau ditinggalkan. Antara lain buku itu mencadangkan tunjukcara melaksanakan solat ketika sakit; solat duduk, mengiring dan melentang, solat berjamaah dalam peperangan, tunjukcara memandi, mengkafan dan menyembahyangkan jenazah dan tunjukcara menyembelih binatang. Ini menjadi bukti bahawa pihak perancang pendidikan telah menyedari betapa perlunya kaedah ini diketengahkan bukan sahaja untuk

menarik perhatian pelajar tetapi demi mencapai objektif pengajaran dan pendidikan.

Dalam konteks pengajaran Ibadat tiada kajian yang ditemui yang dijalankan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran Ibadat tetapi terdapat beberapa kajian yang mendedahkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dalam kajiannya, Abdullah Ishak (1982) mendapati kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam ialah kaedah Syarahan (64%), kaedah Perbincangan (16%) dan kaedah Soal Jawab (20%). Laporan Kedudukan Mata Pelajaran Pengetahuan Agama Islam di Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia,1985) pula mendapati kaedah-kaedah pengajaran Pendidikan Islam yang diamalkan ialah membaca buku teks (63.5%), Perbincangan (61.2%), Soal Jawab (57.5%), Bercerita (56.7%) dan Bersyarah (69.2%). Tiada laporan mengenai kaedah Tunjukcara, Amali, OHP, Video dan lain-lain.

Muhamad Khailani (1993) yang mengkaji penggunaan media pengajaran pembelajaran dalam pengajaran Feqah (Ibadat) mendapati guru Pendidikan Islam menggunakan bahan media dalam pengajaran Ibadat dengan kekerapan

lebih sepuluh kali satu semester iaitu video/televisyen (2.4%), OHP (1.2%), papan hitam (68.2%), buku teks (50.6%), nota edaran (23.5%), papan gulung (17.6%), kad imbasan/cantuman (4.7%), radio kaset (12.9%), gambar foto, 3.5%, carta/poster (11.8%), slaid (1.2%) dan model (1.2%). Beliau mendapati terdapat 44.7% guru Pendidikan Islam yang tidak pernah menggunakan video/televisyen dalam pengajaran Ibadat dan tidak pernah menggunakan OHP seramai 57.6%. Angka ini memberi gambaran bahawa penggunaan media dalam pengajaran Ibadat terlalu kurang. Terdapat guru yang menggunakan kaedah video dan OHP dalam pengajaran Ibadat tetapi sangat kecil bilangannya (2.4% & 1.2%). Menurut Muhamad Khailani (1993) lagi sebahagian besar guru Pendidikan Islam menggunakan papan hitam dan buku teks sebagai media asas.

## 2.5 Kaedah Video & Kaedah OHP

Kaedah Video dan OHP merupakan suatu kaedah pengajaran yang tergolong dalam pengajaran menggunakan media pandang dengar. Media adalah alat yang boleh membantu pengajaran guru untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih baik. Setakat ini tiada kajian yang ditemui mengenai keberkesanan kaedah Video dan OHP dalam pengajaran Ibadat atau Pendidikan Islam.

Menurut Briggs (1967), kajian-kajian yang membandingkan pengajaran yang menggunakan televisyen/video dengan pengajaran bersemuka (tradisional) tidak

menunjukkan pengajaran menggunakan televisyen adalah lebih baik atau sebaliknya tetapi menurut Page (1971), televisyen/video boleh digunakan untuk mengajar dengan berkesan. Televisyen/video boleh diterima sebagai satu cara pengajaran sekiranya perkara-perkara yang diajar lebih mudah dilihat tetapi ia tidak boleh dijadikan pengganti kepada pengajaran guru kecuali jika pengajaran televisyen benar-benar bermutu tinggi. Beliau berpendapat demonstrasi (tunjukcara) melalui televisyen adalah berguna tetapi pelajar lebih suka demonstrasi sebenar di hadapan mereka. Kajian Kemp (1975), Heinich, Molenda dan Russel (1982) dan Naim (1988) juga mendapati pengajaran menggunakan video adalah lebih berkesan. Dapatan kajian Enisar (1993) juga menyokong dapatan pengkaji-pengkaji sebelumnya. Dalam kajiannya beliau mendapati penggunaan pakej yang mengandungi video pengajaran dan nota pengajaran adalah lebih berkesan dan disukai. Menurut Abdul Rahim Mohd Saad (1993) pengajaran menggunakan video dapat menghasilkan pembelajaran yang produktif dan lebih bersifat individu. Kelebihan video juga terserlah dari segi ia mudah diubahsuaikan semasa digunakan berbanding dengan televisyen pendidikan, memudahkan pemilihan bahan pelajaran dan memberi peluang untuk menghuraikan kandungan video pengajaran secara terperinci (Gallengher, 1982; Ahmad Mohamad, 1992).

Jika dibandingan kesan pengajaran dengan menggunakan radio, pengajaran menggunakan televisyen/video adalah lebih berkesan (Barrow & Westly, 1970).

Kelebihan televisyen/video kerana ia melibatkan pendengaran dan penglihatan sekaligus manakala radio hanya melibatkan pendengaran semata-mata. Pengajaran video juga boleh mengekalkan minat kerana ia mempunyai warna, bunyi, gerak dan cahaya yang dapat mempengaruhi deria (Romiszowski, 1988; Naim, 1988).

Dalam pengajaran bahasa, didapati kaedah Video dapat digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan pembelajaran dan kemahiran berbahasa. Ludlow & Duff (1997) yang mengkaji peranan video dalam pengajaran bahasa mendapati video dapat melengkapkan pelajar dengan ilustrasi, konsep asas, tunjukcara kemahiran yang spesifik atau sebagai contoh model. Menurutnya penggunaan video juga dapat menyediakan situasi yang dapat mendorong kepada perbincangan sesuatu isu atau menggunakan pengetahuan atau kemahiran.

Penggunaan OHP pula masih lagi menjadi keperluan dalam bidang pendidikan. Kosnya lebih murah dan penyediaannya lebih mudah. Kajian Bhushan (1976) dan Hossein (1989) mendapati penggunaan OHP merupakan salah satu media yang paling kerap digunakan di maktab dan universiti. Ia juga kerap digunakan oleh guru dan pelatih (Carter & Schmidt, 1985; Seidman, 1986). Kajian Lee (1987) menunjukkan bahawa kaedah kuliah menggunakan OHP merupakan salah satu kaedah yang paling kerap digunakan oleh jurulatih. Laporan

Penilaian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan oleh Ng Wai Kong tahun 1990 (Yusup, 1993) menunjukkan 22% sekolah rendah mempunyai OHP dan latihan menggunakan OHP merupakan kursus yang paling kerap dikendalikan oleh Unit Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri. Kajian dan laporan tersebut membayangkan bahawa OHP masih digunakan dengan meluas untuk menyampaikan maklumat dan dalam bidang pengajaran.

Dari segi keberkesanannya, kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan penggunaan OHP atau lut sinar adalah berkesan dalam pengajaran. Kajian Chance, 1961 (Wendts & Butt, 1962) telah menggunakan 200 keping transparensi dalam pengajaran yang disampaikan kepada penuntut bidang Lukisan Kejuruteraan. Ia mendapati kumpulan yang diajar menggunakan lut sinar (OHP) lebih baik pencapaiannya daripada kumpulan yang diajar menggunakan kapur. Masa pengajaran juga dapat dijimatkan 15 minit dalam sejam. Juga didapati kumpulan OHP lebih memberi perhatian kepada pengajaran guru dari kumpulan yang diajar hanya dengan kapur/papan hitam.. Ini bererti pengajaran menggunakan OHP adalah menarik.

Manakala Wharton Applied Research Center (1981) yang mengkaji penggunaan OHP dalam majlis mesyuarat yang berkaitan perniagaan pula mendapati penyampai yang menggunakan OHP mendapat reaksi yang lebih baik dan menarik dari penyampai yang tidak menggunakannya. Ini meyakinkan bahawa

penggunaan OHP masih relevan dan diperlukan pada ketika ini tambahan pula dengan kemajuan teknologi yang pesat, kini OHP boleh digunakan bersama komputer (Yusup, 1993). OHP boleh digunakan untuk menayangkan dengan saiz yang besar apa yang tertera pada monitor komputer. Dengan itu, pengajaran menggunakan komputer dapat dikembangkan dari pengajaran secara individu kepada pengajaran kelas yang lebih ekonomik dan mudah dengan bantuan OHP.

Jika ditinjau penggunaan media secara umum, pengkaji-pengkaji telah sependapat bahawa penggunaan media dapat membantu pengajaran-pembelajaran yang lebih baik. Cohen, 1960 (Wendt & Butt, 1962) yang mengkaji penggunaan media telah menyediakan 14 alat bantu mengajar kepada seorang guru darjah lima. Dalam kajian tersebut didapati penggunaan alat pandang dengar boleh meningkatkan hasil pengajaran sehingga sembilan kali ganda. Kajian Moldstad (1979) juga mendapati pembelajaran meningkat apabila media digunakan dalam pendekatan pengajaran tradisi.

Menurut Atan (1991) alat bantuan mengajar digunakan adalah untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Dalam pada itu, Erickson dan Curl (1972) menjelaskan bahawa tujuan penggunaan media pembelajaran dan pengajaran adalah untuk menjelaskan penyampaian isi pelajaran dan memberi rangsangan kepada pembelajaran pelajar. Pemilihan dan penggunaan alat pandang dengar dalam pengajaran adalah berdasarkan sebanyak mana

maklumat yang dapat diterima melaluinya selain faktor kewangan. Lebih banyak deria yang terlibat lebih banyak maklumat dapat diterima dan disimpan. Perkara ini berasaskan kajian Riggs (1969) yang mendapati kita mengingati purata 10% dari apa yang kita baca, 20% dari apa yang kita dengar, 30% dari apa yang kita lihat, 40% dari apa yang kita lihat dan dengar, 80% dari apa yang kita ucapkan dan 90% dari apa yang kita ucap dan lakukan. Mohd Dahalan (1989) dan Atan (1991) juga yang menyifatkan keberkesanan sesuatu alat dan bahan bantu mengajar bergantung kepada sejauhmana deria seseorang itu dilibatkan. Media yang melibatkan lebih banyak deria lebih menarik minat dan membantu proses pembelajaran yang lebih banyak. Kajian yang serupa yang dijalankan oleh Harward Business School (Riggs,1969) telah menunjukkan maklumat yang diterima oleh otak manusia adalah 1% dari rasa, sentuhan 1.5%, bau 3.5%, pendengaran 11% dan penglihatan 83%. Dapatan-dapatan kajian tersebut menunjukkan betapa pentingnya penggunaan media untuk membentuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam konteks Pendidikan Islam, Allah telah mengajar dan mendidik nabi Muhammad s.a.w. dengan kaedah Pandang Dengar melalui peristiwa Israk Mikraj (Ahmad Mohd Salleh, 1997). Dalam peristiwa ini nabi dibawa melawat syurga dan neraka dan diperlihatkan berbagai peristiwa yang benar-benar berlaku untuk dilihat, didengar dan difikirkan serta dijadikan pengajaran.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini boleh dijadikan sandaran bagi menyokong penggunaan alat pandang dengar dalam pengajaran Ibadat.

## 2.6 Kaedah Tunjukcara

Kaedah Tunjukcara ialah pengajaran yang menunjukkan kepada pelajar cara bagaimana melakukan sesuatu dengan disertai penerangan (Coombs, 1995). Kaedah Tunjukcara adalah sangat penting khasnya bagi menjelaskan kepada pelajar sesuatu amalan atau kemahiran yang sukar dijelaskan tanpa ditunjukkan caranya. Tanpa tunjukcara mungkin pelajar-pelajar tidak memahami penerangan yang diberikan oleh guru. Guru pula terpaksa menjelaskannya secara terperinci dan mengikut langkah yang betul untuk memahamkan pelajar tentang sesuatu kemahiran atau amalan. Kesukaran ini dapat dikurangkan apabila guru menunjukcara sambil memberi penjelasan kerana menurut teori sosial Albert Bandura (Ee Ah Meng, 1993) pembelajaran manusia secara semulajadi adalah dengan cara memerhatikan orang lain melakukan sesuatu.

Sehingga kini tiada kajian yang ditemui yang mengkaji kesan kaedah ini dalam bidang pengajaran Ibadat tetapi penggunaan kaedah ini yang diterjemahkan dalam bentuk buku (gambar dan gambarajah) sudah ada. Di antaranya, Ahmad Sonhadji (1993) telah menghasilkan dua buah buku 'Mari Sembahyang (lelaki) dan Mari Sembahyang (perempuan)' yang menggunakan kaedah tunjukcara.

Dengan ilustrasi gambar dan penerangan tulisan, beliau mengajar pelajar cara bagaimana berwuduk dan menunaikan solat dengan berkesan. Pendekatan dalam bukunya bukan sahaja mudah difahami tetapi menarik.

Kebaikan kaedah ini dapat dipercayai berasaskan kajian Dale (1964) mengenai tahap-tahap keberkesan alat bantuan mengajar. Beliau telah membina satu kon yang dinamakan kon pengalaman Dale (Rajah 2.1) untuk menjelaskan tinggi rendah kekesanan alat bantuan yang digunakan. Beliau telah meletakkan tunjukcara di tempat yang keempat yang bererti tunjukcara adalah di antara yang terbanyak memberi kesan kepada pengajaran guru selepas lakonan, model dan pengalaman langsung.




Rajah 2.1: Kon Pengalaman Dale (1964)

ıpatan Dale ini menyokong teori cuba-jaya Thorndike (1933) dan teori aziman operan Skinner (1953) yang menyarankan tunjukcara kemahiran bagi nghasilkan pengajaran yang efektif. Ee Ah Meng (1993) juga berpendapat awa pembelajaran psikomotor adalah lebih mudah kalau disampaikan alui penerangan, demontrasi dan latihan.

Dalam pada itu, guru mestilah memastikan apa yang dipelajari dan dilakukan oleh pelajar adalah betul. Untuk memastikannya, guru mestilah memastikan tunjukcara yang dilakukan olehnya adalah betul (Arends, 1994). Menurut Arends lagi, pengajaran bentuk ini dapat mengelakkan pelajar dari percubaan yang salah. Walau bagaimanapun tunjukcara tanpa penerangan yang baik atau tunjukcara yang boleh diikuti tetapi tidak difahami boleh mendedahkan pelajar kepada kesalahan. Jadi, tunjukcara yang bermakna ialah tunjukcara yang dapat diikuti dengan kefahaman yang betul.

Di antara mata pelajaran yang banyak menggunakan kaedah ini ialah Kemahiran Hidup. Menurut Ab. Khalid (1992) yang mengkaji penggunaan kaedah ini mendapati guru-guru Kemahiran Hidup kerap menggunakan kaedah ini untuk mengajar Kemahiran Hidup di sekolah. Dari segi kekesanannya, Ahmad Murad (1994) yang menjalankan kajian tentang penggunaan kaedah ini dalam pengajaran Ketukangan di sekolah menengah vokasional, mendapati kaedah Tunjukcara memberi kesan yang positif dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulannya, kaedah Tunjukcara adalah satu kaedah yang berguna dan berkesan terutamanya apabila guru mengajar sesuatu kemahiran atau amalan atau sesuatu proses yang memerlukan tunjukcara langkah demi langkah. Pengajaran Ibadat memerlukan kaedah ini kerana ia berbentuk amalan. Sejarah

membuktikan bahawa pengajaran Ibadat dilaksanakan oleh Rasulullah dan para sahabatnya menggunakan kaedah ini (Bukhari,1993; Muslim,1995; Ahmad Mohd Salleh, 1997).

## 2.7 Kaedah Amali

Tajul (1993) menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran perlu menggunakan pendekatan orientasi pelajar yang seimbang dengan orientasi guru. Pendekatan ini menurutnya menjadikan pelajar lebih aktif, kreatif, mengamalkan fikiran terbuka, berani membuat keputusan dan dapat membina keyakinan diri. Kaedah Tunjukcara dan Amali adalah termasuk dalam pendekatan ini.

Abdul Ghani dan Hasan Ibrahim (1995) menyatakan bahawa kaedah pengajaran Amali adalah merupakan kaedah asas dalam Islam. Menurutnya Rasulullah s.a.w. memerintahkan ibu bapa melatih anak-anak mendirikan solat dengan betul ketika berumur tujuh tahun. Ia merupakan pengajaran secara amali. Untuk menyokong pernyataan ini, Ahmad Mohd Salleh (1997) menukilkan sebuah hadis yang menceritakan bahawa Jibril a.s. mengajar nabi s.a.w. cara berwuduk dan solat dengan kaedah tunjukcara dan Amali yang ma [illegible]kan caranya kemudian diikuti oleh nabi s.a.w. Menurut Ahr [illegible] Ghani & Hasan Ibrahim, 1995) latihan yang banyak dal [illegible]

membawa kesan yang lebih baik. Pendapat ini selari dengan pendapat Ibnu Khaldun (An Na'miy,1994) yang menyatakan bahawa bakat atau kemahiran diperolehi dari perbuatan yang berulang-ulang. Apabila ia ditinggalkan kemahiran yang didapati akan hilang. Begitu juga menurut Arends (1994) amali perlu diulangi. Amali merupakan kaedah yang meninggalkan kesan yang mendalam kerana ia memberi pengalaman nyata yang bererti kepada pelajar. Ini memudahkan pelajar memahami keadaan dan sukar dilupakan.

Justeru itu, Muhammad Salih (1983) mencadangkan supaya dikhaskan satu masa tertentu supaya pelajar dapat melakukan amali sehingga mereka dapat melaksanakan dengan betul manakala guru mestilah memerhati dan membetulkan kesalahan.

Secara khusus Muhammad Abdul Kadir (1981) dan Muhammad Salih (1983) menegaskan bahawa pengajaran ibadat seperti wuduk, tayammum dan solat hendaklah diajar secara amali dengan guru sendiri melakukannya sambil diperhatikan oleh pelajar dan kemudiannya pelajar pula melakukannya. Dengan tegas Muhammad Abdul Kadir (1981) menyatakan:

> "Guru mestilah menerangkan secara amali di hadapan pelajar. Bukanlah perkara yang haram jika seseorang guru itu melakukan solat di hadapan pelajar untuk menerangkan cara solat yang betul tanpa berwuduk selagi tujuannya untuk mengajar..."

An Nahlawi (1989) mengakui bahawa kaedah 'learning by doing' atau mengaplikasikan teori dengan praktikal (amali) sangat berkesan dalam jiwa, mengukuhkan ilmu dan menguatkan lagi ingatan. Zawawi (1984a) mempunyai pendapat yang sama. Mengikutnya, kaedah amali membolehkan pelajar mengalami pengalaman nyata yang akan meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan. Oleh itu, beliau menyarankan supaya guru mempelbagaikan kerja-kerja amali yang sesuai dengan fizikal pelajar.

Latihan dan amali pula mestilah dilaksanakan berterusan sehingga menjadi kebiasaan atau budaya pelajar. Program dan aktiviti untuk itu hendaklah diatur secara berterusan dan sistematik. Al Jazairi (1964) meletakkan kewajipan ibu bapa selain dari memberi ilmu pengetahuan dan mendidik anak-anak dengan didikan Islam, mereka berkewajipan melatih anak-anak menunaikan perkara fardu, sunat dan adab sopan sehingga mereka mendirikan rumahtangga. Kepentingan latihan dan pembiasaan ini juga diakui keperluannya oleh Al Abasiri (1983) dan Az Za'balani (1984) dan Abdul Raof dan T. Subahan (1991). Prinsip 'sebaik-baik amal ialah yang berterusan walaupun sedikit' (Habib, 1981) hendaklah dijadikan pegangan para pendidik.

## 2.8 Model Pengajaran Pendidikan Islam

Terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh para sahabat r.a. berhubung dengan kaedah pengajaran Ibadat khasnya ibadat yang berbentuk amali seperti wuduk, mandi, membasuh najis, solat, puasa, haji, korban, akikah dan lain-lain.

Di antara hadis-hadis tersebut ialah:

a) Dari Humran bahawa Saidina Othman meminta air untuk berwuduk lalu beliau mengambil wuduk. Mula-mula beliau membasuh kedua tapak tangannya tiga kali kemudian berkumur-kumur dan menyedut air dengan hidung dan menghembuskannya kemudian membasuh muka tiga kali kemudian membasuh tangan kanannya meliputi siku tiga kali kemudian membasuh tangan kirinya seperti itu juga kemudian menyapu sedikit kepala kemudian membasuh kaki kanannya meliputi buku lali kemudian kaki kiri seperti itu juga. Setelah itu beliau berkata: "aku melihat Rasulullah s.a.w. berwuduk sekira-kira wudukku ini.".(Abdullah Basmeih,1993)

b) Dari Abdul Rahman bin Abza, ia mengatakan bahawa seorang laki-laki datang kepada Umar Al Khattab, dia berkata: "saya berjunub sedangkan air tidak ada?.". Lalu Ammar bin Yasir berkata kepada Umar: "ingatkah anda ketika saya dan anda dalam perjalanan. Anda tidak solat (kerana tiada air)

sedang saya berguling-guling di tanah kemudian saya solat. Kemudian saya ceritakan kepada Rasulullah s.a.w. lalu baginda bersabda: "cukuplah begini saja". Nabi menepuk kedua tapak tangan ke tanah lalu dihembusnya, kemudian disapukan muka dan tangannya. (Bukhari, 1997).

c) Dari Aishah katanya: "Rasulullah s.a.w. memulai solatnya dengan takbir, sesudah itu baginda membaca surah Al Fatihah. Apabila baginda rukuk kepalanya tidak mendongak dan tidak pula terlalu menunduk tetapi pertengahan. Apabila baginda bangun dari rukuk baginda tidak sujud sebelum duduknya tepat benar. Tiap-tiap selesai dua rakaat baginda membaca tahiyyat sambil duduk iftirasy dan menegakkan kaki kanan. Beliau melarang duduk seperti syaitan atau binatang buas. Baginda menyudahi solat dengan salam.". (Muslim, 1995)

d) Abu Malik Al Asy'ari meriwayatkan bahawa nabi s.a.w. mendirikan solat; ia mengatur saf lelaki di belakangnya dan di belakang saf lelaki saf kanak-kanak, kemudian baginda solat dengan mereka. Setelah selesai, baginda mengingatkan tentang solat lalu bersabda: "begitulah solat". (Abdullah Basmeih, 1993).

Berdasarkan hadis-hadis di atas, satu model pengajaran Ibadat dapat dibentuk seperti Rajah 2.2 berikut:-




Rajah 2.2 : Model Pengajaran Ibadat

Model pengajaran Ibadat di atas menunjukkan bahawa pengajaran Ibadat yang berkesan dan harus diikuti oleh para pendidik tidak dapat lari dari kaedah Tunjukcara dan Amali. Amali yang dilakukan oleh pelajar pula mestilah diperhatikan kemudian diperbetul dan disempurnakan. Ia juga perlu kepada pengukuhan dan penilaian berterusan secara sistematik berdasarkan senarai semak supaya guru dapat memastikan apa yang dilakukan memenuhi syarat sah, rukun serta sunat dan dilakukan dengan sempurna. Ia juga perlu pengulangan dan pembiasaan. Dengan kata lain, amalan yang dipelajari mestilah dilaksanakan dalam kehidupan harian kerana ia dipelajari untuk

dijadikan amalan di samping perlu ada penilaian berterusan oleh guru sehinggalah pelajar telah terbiasa dengan amalan yang betul.

Tunjukcara dalam pengajaran Ibadat bukan lakonan. Ia adalah bertujuan mengajar. Ia adalah bentuk pengajaran yang menghendaki guru melakukan sendiri apa yang diajar supaya dapat dilihat, diperhatikan, difahami dan dilakukan semula oleh pelajar persis seperti yang ditunjukkan kerana Ibadat telah ditentukan oleh Syarak bentuk dan caranya yang tidak boleh diubah atau dipinda (Azman, 1987). Untuk menunjukcara, guru boleh menggunakan pelajar sebagai model yang dapat dicontohi. Mengenai teknik, guru bolehlah menunjukkan satu-satu bahagian tertentu diikuti dengan amali pelajar atau menunjukkan seluruh Ibadat dari awal hingga akhir kemudian barulah diikuti dengan amali. Ini bergantung kepada kebijaksanaan guru dan kebolehan pelajar.

Walaupun tunjukcara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. adalah tunjukcara sebenar dalam solat sebenar contohnya tetapi bukanlah bererti tunjukcara secara tidak sebenar tidak dibenarkan kerana tunjukcara ini memerlukan amali serta pemerhatian guru. Tunjukcara Rasulullah s.a.w. itu bolehlah dijadikan contoh pengajaran formal yang berkesan dan bukti bahawa pengajaran Ibadat yang berbentuk amali tidak dapat lari dari kaedah Tunjukcara dan Amali. Tunjukcara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam Ibadat sebenar bolehlah dilaksanakan dalam konteks pengajaran orang dewasa atau pengajaran tidak

formal yang memerlukan persefahaman pelajar dengan guru bahawa apa yang dilakukan oleh guru adalah pengajaran dan perlu diikuti seperti yang dilakukan oleh guru. Sebab itu apabila baginda selesai solat berjamaah baginda menegaskan 'begitulah solat' (Abdullah Basmeih, 1993) yakni yang betul dan harus diikuti. Begitulah cara baginda mengajar para sahabat. Mereka mempelajari dari baginda melalui pemerhatian yang dilakukan ke atas setiap gerak-geri dan perlakuan baginda dalam segenap segi.

Dari hadis-hadis yang dipaparkan sebelum ini, jelas bahawa para sahabat mempelajari Ibadat secara amali dari Rasulullah s.a.w. kemudian mengajar orang lain dengan cara yang sama. Dari hadis Humran, kita dapati Saidina Othman menggunakan kaedah Tunjukcara untuk menceritakan dan memberi gambaran cara Rasulullah s.a.w. mengambil wuduk. Beliau tidak menceritakan secara teori atau penerangan dengan lisan sebaliknya meminta air dan menunjukkan caranya secara praktikal, kemudian mengesahkan 'aku melihat Rasulullah s.a.w. berwuduk sekira-kira wudukku ini' (Abdullah Basmeih, 1993). Begitulah pengajaran dan pembelajaran Ibadat yang ditunjukkan oleh guru terulung.

Begitu juga hadis Abdul Rahman (Bukhari, 1997) mengenai tayammum. Para sahabat mempelajarinya dari baginda s.a.w. secara pemerhatian yang jelas dari apa yang ditunjukkan oleh baginda s.a.w. dan kemudian menceritakan dan

mengajar orang lain. Inilah yang menjadi sandaran dan asas kefahaman atau fiqh ahli perundangan Islam kemudiannya.

Hadis Abu Malik Al Asy'ari (Muslim, 1995) menunjukkan lebih jelas bagaimana baginda s.a.w. mengajar cara solat. Baginda mengajar tertib saf solat berjamaah dan cara menunaikan solat secara tunjukcara dan praktikal. Sebelum memulakan solat baginda menyusun saf , kemudian menunaikan solat. Baginda sendiri menjadi imam (berada di hadapan), diperhatikan, diikuti atau ditiru satu persatu oleh para sahabat yang menjadi makmum di belakang. Setelah selesai, baginda membuat penegasan dan pengukuhan dengan katanya: 'begitulah solat'.

Begitu juga hadis Aishah (Muslim, 1995). Aishah, isteri nabi melihat satu persatu solat baginda dari awal hingga akhir. Beliau menerangkan bahawa baginda memulakan solat dengan takbiratul ihram (Allahu Akbar) dan mengakhirinya dengan salam. Beliau juga menjelaskan bacaan-bacaan yang dibaca pada setiap keadaan dan perbuatan iaitu ketika rukuk, iktidal, sujud, duduk di antara dua sujud dan duduk tahiyyat yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w.

Dari huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah Tunjukcara dan Amali adalah kaedah pengajaran Ibadat yang utama yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang merupakan generasi awal Islam dan

mendapat anugerah cemerlang 'khairu ummah' (umat terbaik) ( Surah Ali Imran 3:21, Soenarjo, 1411H).

Menurut Turki (1982) dan An Nahlawi (1989), Rasulullah s.a.w. adalah seorang pendidik atau guru. Mendidik dan mengajar adalah tugas asasi para rasul. Oleh itu, pendekatannya adalah pendekatan seorang guru. Baginda melaksanakan seluruh ajaran Al Quran dengan lengkap supaya dapat diikuti oleh umat Islam. 'Rasulullah s.a.w. merupakan terjemahan praktik kepada Al Quran' (Al Hashimi, 1985; Fathi Yakan, 1985). Rasulullah s.a.w. mentafsir Al Quran dengan lisan dan amal atau perkataan dan perbuatan (Afzalur, 1993). Dalam hubungan ini, Al Asyqar (1985) menjelaskan:

> "Sepertimana penjelasan dibuat dengan perkataan, penjelasan juga dibuat dengan perbuatan. Perbuatan Rasulullah s.a.w. dalam solat, sedekah, haji dan lain-lain adalah penjelasan kepada sebahagian besar nas-nas Al Quran"

Ini jelas membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. bukan sahaja menjelas dan mengajar dengan teori semata-mata tetapi disertai praktikal. Baginda pernah bersabda mengenai cara menunaikan solat:

> "Solatlah sepertimana kamu melihatku solat"
>
> (Bukhari,1994)

Bahkan menurut baginda, dalam solat berjamaah imam menjadi pemandu yang mesti diikuti oleh makmum. Makmum mestilah solat mengikut imam dan tidak boleh menyalahi imam kecuali jika imam melakukan kesilapan.

Sabdanya:

> "Sesungguhnya imam itu adalah untuk diikuti, apabila ia takbir takbirlah, apabila ia rukuk rukuklah, apabila ia sujud sujudlah dan apabila ia solat berdiri solatlah berdiri".
>
> (Bukhari,1993)

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa pengajaran Ibadat yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. adalah menggunakan kaedah Penerangan, Tunjukcara dan Amali. Dengan cara inilah baginda berjaya melahirkan generasi yang begitu iltizam dengan ibadat sepanjang masa tanpa mencuaikannya sedikit pun.

# BAB 3

# KAEDAH PENYELIDIKAN

## 3.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah kajian eksperimen yang bertujuan untuk melihat dan membandingkan kesan kaedah pengajaran iaitu kaedah Video, kaedah OHP, kaedah Tunjukcara dan kaedah Amali bagi pengajaran ibadat yang berbentuk amali. Kumpulan-kumpulan eksperimen dibandingkan dengan kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen juga dibandingkan dengan kumpulan eksperimen. Perbandingan adalah berdasarkan min markat ujian lepas. Dari perbandingan ini dapat diketahui adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dan antara sesama kumpulan eksperimen.

## 3.2 Sampel

Sampel kajian terdiri dari 95 orang pelajar Islam tingkatan satu dari lima buah sekolah menengah. Mereka dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu satu kumpulan kawalan dan empat kumpulan eksperimen iaitu kumpulan kaedah Video, kumpulan kaedah OHP, kumpulan kaedah Tunjukcara dan kumpulan kaedah Amali. Setiap buah sekolah dijadikan satu kumpulan. Setiap kumpulan mengandungi 19 orang pelajar.

## 3.3 Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Kuala Muda, Kedah. Lima buah sekolah menengah kebangsaan telah diambil secara rawak. Sekolah-sekolah ini mempunyai bilangan pelajar Islam tingkatan satu yang ramai yang memudahkan pemilihan sampel yang mencukupi tanpa mengganggu perjalanan pengajaran kelas biasa. Sampel kajian yang diambil agak kecil supaya tidak menyukarkan pihak sekolah berkenaan dan Jabatan Pendidikan Kedah memberi kebenaran untuk mengambil sampel dan menjalankan kajian kerana pelajar yang terlibat terpaksa mengorbankan masa belajar semasa pengajaran bagi kajian ini dijalankan.

Pemilihan daerah ini juga untuk memudahkan pengurusan dan pengendalian kajian dengan mudah serta mendapat kerjasama yang baik dari pihak sekolah dan guru yang terlibat yang telah dikenalpasti.

## 3.4 Kaedah kajian

Kajian ini adalah kajian eksperimen yang menggunakan ujian pra dan ujian ujian lepas untuk mendapatkan data-data. Kaedah eksperimen adalah satu kaedah kajian yang digunakan untuk menentukan kesan sesuatu olahan (Majid, 1990) atau untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan di antara prestasi kumpulan-kumpulan yang dikaji atau tidak (Cates, 1990). Kelebihan

kaedah ini ialah ia amat sesuai digunakan untuk membandingkan kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan untuk melihat kesan-kesannya.

Kaedah ini dipilih dalam kajian ini adalah untuk menentukan sama ada kaedah-kaedah pengajaran yang dikaji berkesan atau tidak dan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik di antara kumpulan-kumpulan yang dikaji atau tidak. Markat-markat ujian lepas yang diperolehi oleh kumpulan eksperimen dibandingkan dengan markat yang diperolehi oleh kumpulan kawalan dan markat-markat ujian lepas setiap kumpulan eksperimen juga dibandingkan di antara kumpulan eksperimen serta dicari kesignifannya dari segi statistik. Jika perbezaannya signifikan bererti kaedah tersebut adalah berkesan.

## 3.5 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian ini dapat digambarkan dengan ringkas dalam Rajah 3.1 di bawah.




Rajah 3.1 : Rekabentuk kajian

Semua pelajar Islam tingkatan satu, lima buah sekolah yang terbabit diberikan ujian pra. Berdasarkan pencapaian dalam ujian pra, seramai 19 orang pelajar

dari setiap buah sekolah dipilih dan dibahagikan kepada lima kumpulan. Sebuah sekolah satu kumpulan. Empat kumpulan dari empat buah sekolah dijadikan kumpulan eksperimen dan satu kumpulan lagi dijadikan kumpulan kawalan. Semua kumpulan adalah setara dari segi pencapaian markat dalam ujian pra. Subjek yang dipilih ialah pelajar yang mendapat markat di antara 40 hingga 64. Markat minimum ialah 40 dan markat maksimum ialah 60. Ini menjadikan julat markat setiap kumpulan ialah 24. Manakala min markat setiap kumpulan dalam lingkungan 52 markat. Ini menjadikan semua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan tidak berbeza dari segi prestasi pencapaian dalam ujian pra tetapi mereka semua adalah setara.

Kemudian, semua kumpulan eksperimen diberikan olahan yang ditetapkan selama tiga minggu manakala kumpulan kawalan tidak diberikan apa-apa olahan. Selepas tamat tempoh olahan, semua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan diberikan ujian lepas. Kertas jawapan ujian diperiksa dan dikumpulkan data-datanya. Data-data dimasukkan ke dalam komputer dan dijalankan analisis yang ditetapkan.

## 3.6 Alat Kajian

Alat yang digunakan untuk mendapat data-data kajian ini ialah Ujian Pencapaian Ibadat (Lampiran A). Ujian ini bertujuan mengukur pencapaian

pelajar sebelum olahan (ujian pra) dan selepas olahan (ujian lepas). Ujian ini adalah ujian objektif aneka pilihan yang mengandungi 25 soalan. Setiap soalan diikuti dengan empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pelajar dikehendaki membulatkan jawapan pilihan di atas kertas jawapan yang disediakan.

Bentuk soalan ini dipilih kerana item objektif menghidangkan kepada pelajar tugas yang terkawal dan membataskan jenis tindakbalas yang boleh dilakukan (Gronlund, 1977). Pemeriksaannya dapat dijalankan secara objektif dan menghasilkan markat yang sama ketika memeriksa jawapan yang serupa oleh kerana jawapannya tetap dan pemarkahannya tidak dipengaruhi oleh pemeriksa. Walaupun pemeriksa yang berlainan yang memeriksa jawapan yang sama, ia akan tetap menghasilkan markat yang sama sahaja.

Soalan-soalan ini dibentuk sendiri berdasarkan kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan satu bahagian Ibadat (Lampiran B) dan buku huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia,1988) serta buku panduan Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) (Kementerian Pendidikan Malaysia,1995) (Lampiran C) iaitu tajuk-tajuk yang terpilih dan diajarkan sebagai olahan kepada kumpulan eksperimen. Tajuk-tajuk Ibadat yang dipilih untuk diajar ialah najis, istinjak, wuduk, tayammum dan solat Subuh.

Setelah soalan-soalan dibentuk, ia dirujukkan kepada lima orang guru berijazah Pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar di sekolah menengah di antara 10 hingga 15 tahun dan seorang kakitangan sumber Pendidikan Islam yang berpengalaman lebih 20 tahun. Rujukan adalah untuk mengesahkan kandungan dan kesesuaian soalan serta jawapan pilihan yang diberi. Ujian ini juga disemak oleh dua orang guru berijazah bahasa Melayu sekolah menengah yang berpengalaman lebih dua puluh tahun dan pakar dalam bidang penilaian untuk mengesahkan aspek bahasa dan kesesuaian ujian yang akan digunakan.

Setelah itu, ujian pencapaian Ibadat ini diuji dalam dua kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Kajian rintis pertama melibatkan 20 orang pelajar tingkatan dua yang telah mempelajari tajuk-tajuk Ibadat berkenaan semasa di tingkatan satu. Tujuan kajian rintis pertama ialah untuk mengetahui kelemahan dan kesesuaiannya dari segi bahasa, kandungan dan masa menjawab. Dengan itu ia dapat diperbaiki dan dikemaskinikan.

Selepas dibuat pindaan dan dikemaskinikan, kajian rintis kedua dijalankan untuk mendapatkan tahap kebolehpercayaannya. Seramai 20 orang pelajar mengambil ujian ini. Kaedah yang digunakan ialah uji – uji semula. Data-data yang didapati telah dianalisis dengan SPSS for Windows release 6.0 dengan menggunakan kaedah alpha Cronbach (Norusis, 1993; Majid, 1990). Nilai alfa

yang diperolehi ialah p = 0.85. Nilai yang diperolehi ini adalah tinggi yang menunjukkan kebolehpercayaan alat yang tinggi dan boleh digunakan.

## 3.7 Program Olahan

Satu program olahan telah dibentuk dan dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen iaitu kumpulan Video, kumpulan OHP, kumpulan Tunjukacara dan kumpulan Amali manakala kumpulan kawalan tidak diberikan sebarang olahan. Olahan adalah berbentuk pengajaran Ibadat. Ia mengandungi tajuk-tajuk pengajaran dan isi pelajaran (Lampiran D) dan langkah-langkah pengajaran mengikut kaedah masing-masing. Ia meliputi kelima-lima tajuk pengajaran (lima jenis ibadat) yang telah disampaikan. Kelima-lima tajuk disampaikan dalam sesi pengajaran yang berasingan. Tajuk, objektif dan isi pelajaran adalah sama untuk semua kumpulan eksperimen. Perbezaan hanya dari segi kaedah penyampaian. Pengajaran setiap kumpulan disampaikan menggunakan kaedah masing-masing iaitu satu kumpulan diajar menggunakan kaedah Video manakala kumpulan yang lain masing-masing dengan kaedah OHP, Tunjukcara dan Amali.

### 3.7.1 Bentuk olahan

Bentuk olahan dalam kajian ini menjelaskan secara umum bagaimana kaedah-kaedah ini dipraktikkan oleh guru dalam pengajaran mereka berdasarkan kumpulan masing-masing.

**a) Kumpulan kawalan**

Kumpulan kawalan ini tidak diberikan apa-apa olahan. Kumpulan ini tidak diajar tajuk-tajuk ibadat yang diajar kepada kumpulan eksperimen. Ia dikawal supaya tidak mempelajari tajuk-tajuk yang diajar kepada kumpulan ekseprimen dari sebarang sumber dan menggunakan sebarang pendekatan atau kaedah. Sebaliknya mereka belajar seperti biasa di dalam kelas biasa. Mereka juga dikawal supaya tidak berinteraksi dengan mana-mana kumpulan eksperimen.

**b) Kumpulan Video**

Guru mengajar kumpulan ini dengan kaedah Video dengan menggunakan pita rakaman video yang disediakan. Guru memulakan pengajaran dengan pendahuluan yang bertujuan menarik perhatian pelajar kepada pelajaran kemudian memperkenalkan tajuk.

Kemudian menayangkan video berdasarkan bahagian yang hendak diajar. Setelah selesai bahagian tertentu, guru memberhentikan tayangan untuk mendapat reaksi pelajar, menjawab soalan atau memberi penerangan lanjut. Begitulah dilakukan sehingga selepas semua bahagian yang hendak diajar. Selepas semua bahagian ditayangkan guru, sekali lagi memberi peluang kepada pelajar bersoal-jawab. Kemudian guru pula mengemukakan soalan untuk menguji kefahaman pelajar dan menutup pengajaran.

c) **Kumpulan OHP**

Guru mengajar ini dengan kaedah OHP dengan menggunakan tayangan lut sinar yang disediakan yang mengandungi isi pelajaran yang hendak diajar (Lampiran D). Seperti kumpulan Video, guru memulakan pengajaran dengan pendahuluan yang bertujuan menarik perhatian pelajar kepada pelajaran kemudian memperkenalkan tajuk. Kemudian Pengajaran dijalankan bahagian demi bahagian dengan menayangkan lut sinar sambil memberi penerangan. Pada masa yang sama guru memberi peluang kepada pelajar untuk bersoaljawab. Begitulah dilakukan sehingga selesai semua bahagian yang hendak diajar. Selepas semua bahagian ditayangkan guru, sekali lagi memberi peluang kepada pelajar bersoal-jawab. Kemudian guru pula

mengemukakan soalan untuk menilai kefahaman pelajar mengenainya dan menutup pengajaran.

**d) Kumpulan Tunjukcara**

Kumpulan ini diajar mengikut kaedah Tunjukcara tanpa memberi peluang kepada pelajar melakukan amali. Guru bertindak menunjuk sendiri tanpa ada tunjukcara dari pelajar. Setelah memulakan pengajaran dengan pendahuluan, guru menunjukkan satu persatu cara sesuatu tingkahlaku dan kemahiran yang hendak diajar sambil memberi penerangan dan penjelasan isi pelajaran bahagian demi bahagian. Tunjukcara dilakukan di tempat yang ada kemudahan dan bahan yang diperlukan untuk tunjukcara iaitu di surau. Guru juga memastikan semua pelajar dapat mendengar dan melihat dengan jelas penerangan dan penjelasan serta tunjukcara langkah demi langkah dari awal hingga akhir. Para pelajar pula diberi peluang bertanya, meminta penjelasan atau diulangi tunjukcara yang tidak difahami sebaik sahaja selesai satu-satu bahagian yang diajar. Guru tidak boleh mengambil pelajar dalam kumpulan sebagai model supaya pelajar model tidak terbiasa dengan olahan melebihi pelajar lain yang tidak diambil sebagai model. Setiap pelajar diminta memerhati betul-betul apa yang ditunjukkan oleh guru. Guru

memberi peluang kepada pelajar menanyakan kemusykilan. Guru menunjukcara sekali lagi jika terdapat mana-mana aspek yang tidak difahami oleh pelajar. Guru menilai kefahaman pelajar dengan soaljawab dan sebagainya dan menutup pengajaran

**e) Kumpulan Amali**

Kumpulan ini pula diajar mengikut kaedah Amali dengan memberi peluang kepada pelajar melakukan amali setelah guru menerang dan menunjukcara kemahiran. Seperti kumpulan yang lain, guru memulakan pengajaran dengan pembukaan untuk menarik perhatian pelajar. Kemudian guru menunjukkan satu persatu tingkahlaku dan kemahiran yang hendak diajar sambil memberi penerangan dan penjelasan isi pelajaran. Sebaik sahaja selesai satu-satu bahagian, pelajar diminta mengulangi apa yang ditunjukkan oleh guru. Guru memerhati amali pelajar dan memberi pengukuhan dan pembetulan jika perlu. Seperti dalam kaedah Tunjukcara, guru bertindak menunjuk sendiri tanpa ada tunjukcara dari pelajar. Pengajaran dilakukan di tempat yang ada kemudahan dan bahan yang diperlukan untuk tunjukcara iaitu di surau. Guru juga memastikan semua pelajar dapat mendengar dan melihat dengan jelas pengajaran langkah demi langkah dari awal hingga akhir. Seperti kumpulan lain, guru

memberi peluang kepada pelajar menanyakan kemusykilan, meminta penjelasan atau mengulangi bahagian yang tidak difahami. Guru menunjukcara sekali lagi jika terdapat mana-mana aspek yang tidak difahami oleh pelajar. Seperti kumpulan Tunjukcara guru tidak boleh mengambil pelajar dalam kumpulan sebagai model supaya pelajar model tidak terbiasa dengan olahan melebihi pelajar lain yang tidak diambil sebagai model. Setiap pelajar diminta memerhati betul-betul apa yang ditunjukkan oleh guru. Akhir sekali guru menilai kefahaman pelajar dan menutup pengajaran

### 3.7.2 Langkah-langkah Pengajaran

Berikut dijelaskan langkah-langkah pengajaran semua kumpulan eksperimen. Ia meliputi semua tajuk yang telah diajar iaitu najis, istinjak, wuduk, tayammum dan solat Subuh.

#### a) Langkah Pengajaran Kaedah Video

i) Najis

Guru memulakan pelajaran dengan persoalan mengenai perkara yang menghalang sah solat di antaranya ialah najis, kemudian menarik perhatian terhadap tajuk yang akan dipelajari melalui tayangan video. Pelajar diarahkan menyediakan buku catatan dan

diminta membuat catatan isi-isi penting. Seterusnya guru menayangkan video mengenai takrif najis dan jenis najis. Selepas itu memberhentikan tayangan untuk menjawab soalan pelajar dan memberi penjelasan lanjut. Seterusnya tayangan diteruskan mengenai cara membersihkan najis mukhaffafah. Selepas itu tayangan dihentikan untuk melayan pertanyaan pelajar serta memberi penjelasan lanjut jika perlu. Seterusnya tayangan mengenai cara membasuh najis mutawassitah dan najis mugallazah. Selepas itu, diberi masa kepada pelajar untuk bertanya. Akhir sekali guru mengemukakan soalan untuk menilai pencapaian objektif pengajaran dan menutup pengajaran.

ii) Istinjak

Pelajaran dimulakan dengan mengemukakan soalan mengenai maksud istinjak. Dari jawapan pelajar guru menjelaskan topik pengajaran yang akan menggunakan tayangan video. Seterusnya guru menayangkan video mengenai takrif istinjak dan alat-alat yang boleh dan tidak boleh digunakan untuk istinjak. Selepas itu guru memberhentikan tayangan untuk menjawab soalan pelajar dan memberi penjelasan lanjut. Seterusnya tayangan diteruskan mengenai syarat beristinjak dengan air, batu dan benda kesat serta cara melakukannya. Setelah tamat, guru melayan pertanyaan

pelajar serta memberi penjelasan lanjut jika perlu. Akhir sekali guru mengemukakan soalan untuk menilai pencapaian objektif pengajaran dan menutup pengajaran.

iii) Wuduk

Guru memulakan pengajaran dengan bertanya pelajar mengenai syarat sah solat, salah satunya ialah suci dari hadas kecil (berwuduk) dan 'kenapa mesti berwuduk?'. Guru memberitahu pelajar bahawa mereka akan mempelajari cara berwuduk melalui tayangan video. Seterusnya apabila pelajar telah bersedia, guru memulakan tayangan mengenai rukun-rukun wuduk. Selepas itu tayangan dihentikan untuk pelajar mendapat penjelasan lanjut jika perlu. Kemudian tayangan diteruskan mengenai sunat-sunat wuduk. Setelah tamat guru bertanya pelajar jika ada perkara yang tidak difahami, diikuti dengan soalan kefahaman dari guru dan menutup pengajaran.

iv) Tayammum

Sambil menunjukkan debu tanah yang dibawa, guru bertanya pelajar mengenai kegunaan tanah untuk tujuan ibadat, kemudian mengemukakan persoalan yang mencabar fikiran pelajar iaitu 'bagaimana seseorang itu boleh menunaikan solat padahal ia tidak

boleh berwuduk dan mandi wajib kerana tangannya patah dan tidak boleh terkena air?'. Selepas pelajar menjawab guru mengulas dan menyatakan pelajaran mengenai tayammum akan dipelajari melalui tayangan video. Guru terus memulakan tayangan video mengenai syarat tayammum dan orang yang harus bertayammum. Tayangan dihentikan untuk mendapat reaksi dari pelajar serta memberi penjelasan yang diperlukan. Kemudian tayangan diteruskan dengan rukun tayammum dan cara bertayammum. Selepas itu, tayangan dihentikan jika terdapat kemusykilan pelajar yang perlu dijelaskan. Kemudian tayangan diteruskan lagi dengan perkara-perkara sunat tayammum. Setelah selesai guru mengajukan soalan kefahaman untuk mengetahui kefahaman pelajar mengenai perkara penting yang dijelaskan dalam video tersebut dan seterusnya menutup pengajaran.

v) Solat Subuh

Guru memulakan pelajaran dengan menanyakan pelajar 'adakah pelajar solat Subuh hari ini dan adakah pelajar tahu menunaikannya serta apakah perbezaan solat Subuh dengan solat yang lain?'. Guru mengulas jawapan pelajar dan memberitahu pelajar tentang perkara yang akan dipelajari melalui tayangan video. Seterusnya apabila pelajar telah bersedia, guru memulakan

tayangan mengenai rukun-rukun Solat dan cara melakukannya. Selepas selesai tajuk tersebut, tayangan dihentikan untuk soal-jawab dan penerangan lanjut. Kemudian tayangan diteruskan mengenai sunat Abadh dan sunat Haiah. Selepas itu, soal-jawab dibuka kembali. Setelah selesai, guru bertanya pelajar untuk menguji kefahaman pelajar dan menutup pengajaran hari itu.

**b) Langkah Pengajaran Kaedah OHP**

i) Najis

Guru memulakan pengajaran seperti kumpulan video. Seterusnya guru menayangkan lut sinar mengenai takrif najis dan jenis najis. Guru memberi penjelasan satu demi satu apa yang tercatat pada lut sinar dalam masa yang sama pelajar boleh bertanya untuk mendapat keterangan lanjut. Seterusnya tayangan diteruskan mengenai cara membersihkan najis mukhaffafah, najis mutawassitah dan najis mugallazah. Selepas itu, diberi masa kepada pelajar untuk bertanya atau perbincangan. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

ii) Istinjak

Pelajaran dimulakan seperti kumpulan Video. Seterusnya guru menayangkan lut sinar mengenai takrif istinjak dan alat-alat yang

boleh dan tidak boleh digunakan untuk istinjak. Selepas itu guru memberhentikan tayangan untuk menjawab soalan pelajar dan memberi penjelasan lanjut. Seterusnya tayangan diteruskan mengenai syarat beristinjak dengan air, batu dan benda kesat serta cara melakukannya. Setelah tamat, guru melayan pertanyaan pelajar serta memberi penjelasan lanjut jika perlu. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iii) Wuduk

Guru memulakan pengajaran seperti kumpulan video. Seterusnya apabila pelajar telah bersedia, guru memulakan tayangan mengenai rukun-rukun wuduk. Selepas itu tayangan dihentikan untuk pelajar mendapat penjelasan lanjut. Kemudian tayangan diteruskan mengenai sunat-sunat wuduk. Setelah tamat guru bertanya pelajar jika ada perkara yang tidak difahami. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iv) Tayammum

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru terus memulakan tayangan lut sinar yang disediakan mengenai syarat

tayammum dan orang yang harus bertayammum. Tayangan dihentikan untuk mendapat reaksi dari pelajar serta memberi penjelasan yang diperlukan. Kemudian tayangan diteruskan dengan rukun tayammum dan cara bertayammum. Selepas itu, tayangan dihentikan jika terdapat kemusykilan pelajar yang perlu dijelaskan. Kemudian tayangan diteruskan lagi dengan perkara-perkara sunat tayammum. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

v) Solat Subuh

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Seterusnya apabila pelajar telah bersedia, guru memulakan tayangan mengenai rukun-rukun solat dan cara melakukannya. Selepas selesai tajuk tersebut, tayangan dihentikan untuk soal-jawab dan penerangan lanjut. Kemudian tayangan diteruskan mengenai sunat Abadh dan sunat Haiah. Selepas itu, soal jawab dibuka kembali. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

**c) Langkah Pengajaran Kaedah Tunjukcara**

i) Najis

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menjelaskan pengertian najis, benda-benda najis dan bukan najis secara ringkas. Guru menjelaskan jenis-jenis najis sambil menunjukkan cara membersihkan najis mukhaffafah (air kencing kanak-kanak lelaki). Dengan menompok air ke atas lantai sebagai contoh air kencing, guru mengelap dan kemudian memercikkan air ke atasnya. Sambil itu pelajar diberi peluang bertanya. Kemudian guru menerangkan dan menunjukkan cara membersihkan najis mutawassitah pula. Dengan mengandaikan air bertanah merah sebagai darah, guru menunjukkan cara membersihkannya. Langkah pertama dengan mengelapkan najis tersebut kemudiannya menjiruskan air di atasnya sekurang-kurang sekali laluan dan sebaik-baiknya tiga kali. Kemudian pelajar diminta bertanya jika ada kemusykilan. Kemudian guru menunjukkan cara bagaimana najis mughallazah dibersihkan. Dengan andaian tanah sebagai tahi anjing, guru membuang najis tersebut hingga habis kemudian menjirus tempat yang terkena najis dengan air bercampur tanah sekali dan dengan air mutlak

sebanyak enam kali. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

ii) Istinjak

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Seterusnya guru berbincang tentang alat-alat yang boleh dan tidak boleh digunakan untuk beristinjak. Guru menunjukkan batu dan tisu yang dibawa. Kemudian guru menunjukkan cara beristinjak dengan tiga ketul batu pada anak patung kemudian menunjukkan cara beristinjak dengan tisu. Penjelasan mengenai syarat-syarat istinjak dengan batu dan tisu diberikan semasa tunjukcara. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iii) Wuduk

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menunjukkan cara berwuduk langkah demi langkah sambil menerangkan/membezakan perkara fardu dengan sunat wuduk. Setiap langkah yang ditunjukkan oleh guru, perhatikan oleh pelajar dengan teliti. Demikianlah langkah demi langkah hingga selesai dimulai menghadap kiblat, membaca bismillah, membasuh tangan hingga ke pergelangan tangan, berkumur-kumur,

memasukkan air ke dalam hidung, berniat, membasuh muka, kedua tangan, kedua telinga, kedua kaki dan berdoa. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iv) Tayammum

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menerangkan sebab-sebab yang mengharuskan tayammum dan benda yang harus dibuat tayammum. Kemudian guru menyediakan debu untuk menunjukkan cara-cara bertayammum langkah demi langkah dimulai dengan menghadap kiblat. Setelah mengarah pelajar memerhati dengan teliti, guru membuka cincin dan jam. Seterusnya menepuk debu dengan kedua belah tapak tangan dan menipiskan debu. Kemudian menyapu muka serta memberi penjelasan sambil meminta pelajar memerhati. Kemudian menepuk debu (yang lain pula) dan menipiskannya. Seterusnya menunjukkan cara menyapu kedua-dua tangan, dimulai dengan tangan kanan. Guru menunjukkan cara menyapu tangan kanan, sedikit demi sedikit dimulai dari bawah telapak tangan sehingga ke siku dan dari siku (bahagian bawah tangan) hingga ke pergelangan tangan. Selepas selesai menyapu tangan kanan, guru menunjukan pula cara menyapu tangan kiri. Kemudian guru menyelati jari-jari tangan kanan dan kiri

seterusnya berdoa. Selepas itu, guru membuka persoalan jika ada. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

v) Solat Subuh

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menunjukkan cara melakukan perbuatan-perbuatan dalam solat Subuh satu demi satu mengikut tertib sambil memberi penerangan mengenai rukun dan sunat di samping menjelaskan tempat sesuatu bacaan dari berdiri tegak, niat, membaca Al Fatihah, surah, rukuk, iktidal sujud, duduk di antara dua sujud, sujud kali kedua dan bangun ke rakaat kedua, membaca Fatihah, surah, rukuk, iktidal, berdiri membaca qunut, sujud,,duduk di antara dua sujud, sujud kedua, duduk tahiyyat akhir, membaca tahiyyat akhir dan memberi salam. Pada masa yang sama setiap pelajar diminta melihat dengan teliti tunjukcara guru. Setelah selesai semuanya ditunjukkan, guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya atau meminta diulangi tunjukcara yang tidak difahami. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

**d) Langkah Pengajaran Kaedah Amali**

i) Najis

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menjelaskan pengertian najis, benda-benda najis dan bukan najis. Guru menjelaskan jenis-jenis najis sambil menunjukkan cara membersihkan najis mukhaffafah (air kencing kanak-kanak lelaki). Dengan menggunakan menompok air ke atas lantai sebagai contoh air kencing, guru mengelap dan kemudian memercikkan air ke atasnya. Kemudian guru meminta pelajar secara serentak membasuh najis air kencing seperti yang ditunjukkan sambil diperhati dan diperbetulkan oleh guru. Kemudian guru menerangkan dan menunjukkan cara membersihkan najis mutawassitah pula. Dengan mengandaikan air bertanah merah sebagai darah, guru menunjukkan cara membersihkannya. Langkah pertama dengan mengelapkan najis tersebut kemudiannya menjiruskan air di atasnya sekali laluan. Tunjukcara ini dilihat oleh pelajar. Kemudian semua pelajar diminta menunjukkan cara membersihkan darah (najis mutawassitah). Guru melihat dan menilai serta membetulkan yang tidak betul. Kemudian guru menunjukkan cara bagaimana najis mughallazah dibersihkan. Dengan andaian tanah sebagai tahi anjing, guru membuang najis tersebut hingga habis kemudian

menjirus tempat yang terkena najis dengan air bercampur tanah sekali dan dengan air mutlak sebanyak enam kali. Kemudian meminta semua pelajar melakukan seperti yang ditunjukkan. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

ii) Istinjak

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Seterusnya guru menjelaskan alat-alat yang boleh dan tidak boleh digunakan untuk beristinjak serta syarat sah istinjak dengan batu dan benda-benda kesat seperti tisu. Kemudian guru menunjukkan cara beristinjak dengan tiga ketul batu pada anak patung kemudian cara beristinjak dengan tisu. Selepas itu, semua pelajar diminta menunjukkan cara beristinjak dengan batu dan tisu. Guru memerhati dan membetulkan kesalahan. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iii) Wuduk

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menunjukkan cara berwuduk langkah demi langkah sambil menerangkan perkara fardu dan sunat wuduk. Setiap langkah yang ditunjukkan oleh guru langkah demi langkah hingga selesai

dimulai menghadap kiblat, membaca bismillah, membasuh tangan hingga ke pergelangan tangan, berkumur-kumur, memasukkan air ke dalam hidung, berniat, membasuh muka, kedua tangan, kedua telinga, kedua kaki dan berdoa. Kemudian guru meminta seorang pelajar untuk mengambil wuduk dari awal hingga akhir. Pelajar lain dikehendaki memerhati dan menegur kesalahan jika ada. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

iv) Tayammum

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video.Guru menerangkan sebab-sebab yang mengharuskan tayammum dan benda yang harus dibuat tayammum. Kemudian guru menyediakan debu untuk menunjukkan cara-cara bertayammum langkah demi langkah dimulai dengan menghadap kiblat dan menyuruh semua pelajar menghadap kiblat. Guru membuka cincin dan jam dan mengarahkan pelajar juga berbuat demikian. Membaca bismillah bersama pelajar dan menepuk debu dengan kedua belah tapak tangan dan menipiskan debu serta mengarahkan pelajar mengikutnya. Kemudian guru menyapu muka serta memberi penjelasan sambil meminta pelajar memerhati dan seterusnya menyapu muka seperti yang

ditunjukkan. Kemudian guru meminta pelajar membuang debu yang masih terlekat di tapak tangan hingga habis. Kemudian sambil menepuk debu, guru meminta pelajar menepuk debu (yang lain pula) dan menipiskannya. Seterusnya menunjukkan cara menyapu kedua-dua tangan, dimulai dengan tangan kanan. Guru menunjukkan cara menyapu tangan kanan diikuti oleh pelajar, sedikit demi sedikit dimulai dari bawah telapak tangan sehingga ke siku dan dari siku (bahagian bawah tangan) hingga ke pergelangan tangan. Selepas selesai menyapu tangan kanan, guru menunjukan pula cara menyapu tangan kiri dengan diikuti oleh pelajar secara serentak. Kemudian semua pelajar diminta menyelati jari kedua-kedua belah tangan mengikut cara yang ditunjukkan dan kemudian menadah tangan dan berdoa. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

v) Solat Subuh

Guru memulakan pelajaran seperti kumpulan video. Guru menunjukkan cara melakukan perbuatan-perbuatan (rukun dan sunat) dalam solat Subuh satu demi satu mengikut tertib (susunan) sambil memberi penerangan di samping menjelaskan tempat sesuatu bacaan itu dibaca. Pada masa guru menunjukkan

kemahiran pelajar diminta meniru tunjukcara guru atau melakukannya (serentak) manakala guru melihat apa yang dilakukan oleh pelajar dan membetulkannya. Setelah selesai semuanya ditunjukkan dan dilakukan oleh pelajar, guru memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya atau mengulangi tunjukcara yang tidak difahami jika diminta. Seterusnya guru bertindak mengambil seorang pelajar sebagai imam manakala pelajar-pelajar lain menjadi makmum. Mereka diminta menunjukkan cara solat Subuh dari awal hingga akhir dengan pengawasan guru. Jika ada pelajar yang tidak melakukannya dengan betul guru akan membetulkannya serta merta. Guru menilai dan menutup pelajaran sama seperti dalam kumpulan Video.

## 3.8 Prosedur Kajian

Langkah-langkah berikut (Rajah 3.2) telah diambil untuk menjalankan kajian ini:




Rajah 3.2 : Prosedur kajian

Langkah pertama ialah mendapatkan kebenaran dari Bahagian Penyelidikan Pendidikan Dasar(BPPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah kerajaan. Dengan menggunakan surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia, kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Darul Aman (JPNK) untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah menengah yang dipilih di Daerah Kuala Muda diperolehi.

Setelah kebenaran diperolehi, kajian rintis dijalankan sebanyak dua kali untuk mengemaskinikan alat kajian dan seterusnya mendapat tahap kebolehpercayaan. Seterusnya diadakan perbincangan dengan pengetua sekolah yang terlibat mengenai perlaksanaan kajian iaitu mengadakan ujian pra, memilih seorang guru untuk memberi olahan (pengajaran) kepada pelajar yang dipilih, ujian lepas dan masalah-masalah yang dihadapi. Selanjutnya memberi taklimat dan penerangan yang sempurna dan lengkap kepada guru untuk menjalankan pengajaran.

Kemudian barulah dimulakan kajian dengan diadakan ujian pra kepada semua pelajar Islam tingkatan satu sekolah terbabit. Kertas jawapan diperiksa dan markat dikumpulkan dan dianalisis dengan komputer untuk mencari min markat, sisihan piawai, markat terendah dan markat tertinggi. Berdasarkan prestasi dalam ujian pra ini, seramai 19 orang pelajar dari setiap buah sekolah dipilih dan dibahagikan kepada satu kumpulan kawalan dan empat kumpulan eksperimen yang setara.

Keempat-empat kumpulan eksperimen diberikan olahan manakala kumpulan kawalan tidak dikenakan apa-apa olahan. Olahan berjalan selama tiga minggu. Seterusnya semua kumpulan diberi ujian lepas. Kertas jawapan ujian lepas diperiksa dan markat-markatnya dikumpul. Kemudian markat-markat itu dimasukkan ke dalam komputer dan dianalisis dengan Statistical Package for

Social Sciences (SPSS for windows) release 6.0 untuk mencari perbezaan di antara kelima-lima kumpulan. Kemudian laporan dan keputusan kajian ditulis dan dibentangkan.

## 3.9 Kajian Rintis

Alat kajian ini ialah Ujian Pencapaian Ibadat. Ia telah dirujukkan terlebih dahulu kepada guru yang berpengalaman luas dalam bidang Pendidikan Islam dan bahasa Melayu untuk mengesahkan kandungan, bahasa dan pembentukannya.

Kemudian, kajian rintis dijalankan untuk menguji, memperbaiki dan mengemaskinikan ujian ini. Ia telah dijalankan sebanyak dua kali. Kajian rintis pertama melibatkan 20 orang pelajar tingkatan dua yang telah mempelajari tajuk-tajuk yang terkandung dalam ujian tersebut di tingkatan satu. Selepas kajian rintis pertama, segala arahan, butiran, pilihan jawapan, aspek bahasa dan sebagainya yang tidak sesuai diperbetulkan dan diubahsuai atau dibuang.

Setelah dikemaskinikan, ujian rintis kedua dijalankan dua kali dalam tempoh dua minggu. Seramai 20 orang pelajar terlibat. Kaedah yang digunakan ialah uji – uji semula Markat-markat yang diperolehi dalam ujian pertama dan

kedua dianalisis dengan SPSS for Windows release 6.0 untuk memperolehi tahap kebolehpercayaan.

## 3.10 Kesahan

Kesahan merujuk kepada 'sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya ia dikehendaki mengukur' (Abu Bakar Nordin, 1986; Cates, 1990 & Majid, 1990). Sesuatu ujian itu sah jika menguji perkara-perkara yang sebenarnya diajar dan dipelajari oleh murid (Abu Bakar Nordin, 1986)

Untuk menentukan kesahan langkah-langkah berikut telah diambil:-

a) Kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terdiri dari sekolah yang berlainan. Sebuah sekolah satu kumpulan. Keadaan ini dapat mengelakkan dari berlakunya interaksi subjek dengan kumpulan yang lain.

b) Pemilihan subjek dan pembahagian kumpulan berdasarkan min markat dan julat markat (Sulaiman, 1991) supaya semua kumpulan sama dan setara. Semua kumpulan adalah setara dari segi pencapaian markat dalam ujian pra. Subjek yang dipilih ialah pelajar yang mendapat markat di antara 40 hingga 64 markat. Ini menjadikan julat markat setiap kumpulan ialah 24. Manakala min markat setiap kumpulan adalah dalam lingkungan 52 markat. Dengan pemilihan begini subjek dianggap sama dan setara. Dengan itu,

dapat dipastikan perbezaan yang berlaku adalah kerana pengaruh olahan bukan pengaruh perbezaan pencapaian.

c) Aspek pemberian olahan juga disetarakan. Empat orang guru dipilih untuk mengajar kumpulan ekperimen iaitu kumpulan Video, OHP, Tunjukcara dan Amali. Mereka dipilih berdasarkan kelulusan akademik dan ikhtisas yang sama iaitu guru siswazah dan mempunyai diploma dalam ikhtisas Pendidikan Islam. Mereka juga mempunyai pengalaman mengajar yang hampir sama. Guru yang dipilih itu mengajar kumpulan yang dikaji di sekolah masing-masing. Mereka diberi penerangan yang jelas dan diberi kertas panduan yang mengandungi tajuk pelajaran, isi, objektif dan langkah-langkah pengajaran. Perbincangan untuk pemahaman, perlaksanaan pengajaran dan penyelesaian masalah yang timbul juga diadakan. Mereka diselia dari masa ke masa dalam tempoh pengajaran untuk memastikan mereka mengajar mengikut format olahan yang ditetapkan dan segala masalah yang dihadapi dapat diatasi.

d) Masa pengajaran setiap kumpulan adalah sama. Ia dijalankan selama tiga minggu yang mengambil masa sebanyak enam period dan setiap period memakan masa selama 35 minit.

e) Kandungan olahan dan alat (Ujian Pencapaian Ibadat) adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam tingkatan satu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988), buku teks Pendidikan Islam tingkatan satu dan buku panduan Penilaian Perkara Asas

Fardhu Ain (PAFA) sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Kandungan olahan (isi pelajaran) yang digunakan untuk keempat-empat kumpulan eksperimen adalah sama. Kandungan alat (Ujian Pencapaian Ibadat) adalah berdasarkan kandungan olahan. Ujian Pencapaian Ibadat yang sama telah digunakan untuk ujian pra dan ujian lepas kepada kumpulan ekperimen dan kumpulan kawalan.

f) Soalan-soalan Ujian Pencapaian Ibadat yang telah dibentuk dirujukkan kepada lima orang guru berijazah pengkhususan Pendidikan Islam yang berpengalaman mengajar di sekolah menengah di antara 10 hingga 15 tahun dan seorang kakitangan sumber Pendidikan Islam yang berpengalaman lebih 20 tahun. Ia juga disemak oleh dua orang guru berijazah pengkhususan bahasa Melayu sekolah menengah yang berpengalaman lebih dua puluh tahun dan pakar dalam bidang penilaian untuk mengesahkan kandungan dan kesesuaian ujian yang akan digunakan.

g) Kajian rintis juga dijalankan untuk memperbaiki kelemahan alat dan mendapat tahap kebolehpercayaan yang ditetapkan. Kajian rintis dijalankan dua kali. Kajian rintis pertama untuk mengetahui kelemahan dan kesesuaian alat supaya dapat diperbaiki dan dikemaskinikan. Kajian rintis kedua ialah untuk mendapatkan data-data yang digunakan bagi mengira kebolehpercayaan alat.

## 3.11 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan sesuatu alat dalam dalam melahirkan markat yang setara (Cates, 1990). 'Ia dapat memberi markat yang sama apabila murid itu mengambil ujian itu beberapa kali di dalam satu jangka masa yang pendek' (Abu Bakar Nordin, 1986).

Tahap kebolehpercayaan alat telah diuji dalam ujian rintis dengan kaedah uji – uji semula. Data-data yang didapati dianalisis dan dikira nilai alfa Cronbach dengan komputer menggunakan program SPSS for Windows release 6.0. Nilai alfa yang didapati ialah .85. Ini menunjukkan kebolehpercayaan alat ini adalah tinggi dan boleh digunakan dengan sah untuk mendapatkan data-data kajian.

## 3.12 Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Markat-markat yang diperolehi dari ujian lepas dikumpulkan dan dianalisis dengan komputer menggunakan SPSS for Windows release 6.0 (Lampiran F). Analisis pertama dibuat untuk mendapatkan min markat, markat minimum, maksimum, jumlah markat dan sisihan piawai.

Seterusnya dijalankan analisis untuk menguji hipotesis nol. Analisis Varians (ANOVA) sehala digunakan untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan

signifikan di antara kumpulan kaedah pengajaran yang dikaji (Norusis, 1993; Sulaiman, 1991; Ahmad Mahzan, 1992) berbanding dengan kumpulan kawalan dan sesama kumpulan eksperimen.

Setelah ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sekurang-kurangnya di antara dua kumpulan kaedah yang dikaji, analisis lanjutan Pos-Hoc Duncan telah dijalankan untuk mengenalpasti kumpulan manakah yang berbeza secara signifikan.

# BAB 4

# KEPUTUSAN

## 4.1 Pengenalan

Kajian ini adalah kajian eksperimen yang menggunakan ujian pra dan ujian lepas untuk mendapatkan data-data. Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengkaji kesan empat kaedah pengajaran ibadat iaitu kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali berbanding dengan kumpulan kawalan. Perbandingan juga dibuat di antara kumpulan eksperimen sesama kumpulan eksperimen. Subjek terdiri 95 orang pelajar Islam tingkatan satu yang dibahagikan kepada empat kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan.

Di dalam bab ini akan dibentangkan data-data yang didapati dari kajian dan yang telah dianalisis dengan komputer iaitu jumlah markat didapati, markat minimum, markat maksimum, min markat, sisihan piawai, analisis ANOVA sehala dan Pos-Hoc Duncan.

## 4.2 Gambaran sebelum olahan

Semua kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen telah diuji dalam Ujian Pencapaian Ibadat dalam bentuk ujian pra yang diadakan sebelum olahan

dijalankan. Prestasi ujian pra adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1 : Prestasi subjek dalam ujian pra

| Kumpulan | Min | Sisihan piawai | Minimum | Maksimum |
|---|---|---|---|---|
| Kawalan | 52.00 | 6.81 | 40.00 | 64.00 |
| Video | 52.11 | 7.07 | 40.00 | 64.00 |
| OHP | 52.63 | 7.21 | 40.00 | 64.00 |
| Tunjukcara | 52.00 | 8.00 | 40.00 | 64.00 |
| Amali | 51.79 | 6.46 | 40.00 | 64.00 |

Dari jadual 4.1, didapati bahawa semua kumpulan menunjukkan prestasi yang hampir sama. Min kumpulan kawalan ialah 52.00, kumpulan video 52.11, kumpulan OHP 52.63, kumpulan Tunjukcara 52.00 dan kumpulan Amali 51.79. Markat minima dan maksima setiap kumpulan adalah sama iaitu 40 dan 64. Pencapaian yang sama di antara semua kumpulan menggambarkan bahawa kumpulan-kumpulan itu adalah setara.

## 4.3 Prestasi subjek selepas olahan

Selepas ujian pra dijalankan, kumpulan eksperimen diberikan olahan manakala kumpulan kawalan tidak diberikan apa-apa olahan. Selepas tamat olahan

kumpulan eksperimen, semua kumpulan eksperimen dan kawalan diberi ujian lepas. Ujian lepas adalah menggunakan Ujian Pencapaian Ibadat yang sama yang digunakan dalam ujian pra.

Jumlah markat dengan markat minimum dan maksimum yang diperolehi dari ujian lepas adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2 berikut:-

Jadual 4.2: Markat minimum, maksimum & jumlah markat ujian lepas

| Kumpulan | Minimum | Maksimum | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Kawalan | 40 | 68 | 1012 |
| Video | 44 | 88 | 1220 |
| OHP | 52 | 88 | 1364 |
| Tunjukcara | 40 | 80 | 1228 |
| Amali | 40 | 88 | 1366 |

Kumpulan kawalan mendapat 1012 markat dengan markat minimum 40 dan maksimum 68. Kumpulan Video mendapat 1220 markat manakala markat minimum ialah 44 dan maksimum 88. Kumpulan OHP mendapat 1364 markat dengan markat yang paling rendah ialah 52 dan yang paling tinggi 88 markat. Kumpulan Tunjukcara pula mendapat 1228 markat. Markat minimum yang

diperolehi ialah 40 dan maksimum 80. Kumpulan Amali mendapat sejumlah 1366 markat. Markat minimum ialah 40 dan maksimum ialah 88.

Kumpulan yang mendapat jumlah markat tertinggi ialah kumpulan Amali (1366) diikuti dengan kumpulan OHP (1364), Tunjukcara (1228) dan Video (1220). Manakala kumpulan kawalan mendapat markat yang terendah sekali (1012).

Analisis seterusnya adalah untuk mencari min markat dan sisihan piawai. Sisihan piawai memberi gambaran taburan markah subjek-subjek dalam sampel (Majid,1990). Min markat yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4.3 berikut:-

Jadual 4.3: Min markat & sisihan piawai dalam ujian lepas

| Kumpulan | Min | Sisihan piawai |
|---|---|---|
| Kawalan | 53.26 | 7.89 |
| Video | 64.21 | 13.08 |
| OHP | 71.79 | 10.33 |
| Tunjukcara | 64.63 | 11.18 |
| Amali | 71.89 | 13.97 |

Dari jadual 4.3 di atas, didapati min markat kumpulan kawalan ialah 53.26, sisihan piawainya 7.89; kumpulan Video minnya ialah 64.21, sisihan piawai 13.08; kumpulan OHP minnya 71.79, sisihan piawai 10.33; markat kumpulan Tunjukcara minnya 64.63, sisihan piawai 11.18 dan kumpulan Amali minnya ialah 71.89, sisihan piawai 13.97.

Berdasarkan Jadual 4.3 di atas juga, didapati min markat yang paling tinggi ialah kumpulan Amali ( 71.89 ) diikuti dengan kumpulan OHP ( 71.79 ), kumpulan Video ( 64.21 ) dan kumpulan Tunjukcara (64.63 ). Kumpulan kawalan mendapat min yang paling rendah ( 53.26). Ini menunjukkan pencapaian kumpulan Amali adalah yang paling baik (71.89) tetapi hampir sama dengan kumpulan OHP (71.79). Manakala kedua-dua kumpulan Video dan Tunjukcara menunjukkan pencapaian yang lebih rendah daripada kumpulan Amali dan OHP. Kedua-dua kumpulan ini menunjukkan prestasi yang hampir sama (64.21 dan 64.63 ).

Jika dibandingkan min-min markat kumpulan eksperimen dengan min markat kumpulan kawalan, didapati min-min markat kumpulan ekperimen melebihi min markat kumpulan kawalan. Berikut adalah Jadual 4.4 yang menggambarkan perbezaan itu.

Jadual 4.4: Perbezaan min markat dengan kumpulan kawalan

| Kumpulan | Min markat | Perbezaan |
|---|---|---|
| Kawalan | 53.26 | xx |
| OHP | 71.79 | 18.53 |
| Video | 64.21 | 10.95 |
| Tunjukcara | 64.63 | 11.37 |
| Amali | 71.89 | 18.63 |

## 4.4 Perbandingan min markat ujian pra dan ujian lepas

Semua kumpulan kawalan dan eksperimen telah mengambil ujian pra dan ujian lepas. Jadual 4.5 di bawah mencatatkan keputusan ujian pra dan ujian lepas yang telah dijalankan.

Jadual 4.5 : Min markat ujian pra dan ujian lepas

| Kumpulan | ujian pra | ujian lepas |
|---|---|---|
| Kawalan | 52.00 | 53.26 |
| Video | 52.11 | 64.21 |
| OHP | 52.63 | 71.79 |
| Tunjukcara | 52.00 | 64.63 |
| Amali | 51.79 | 71.89 |

Dari Jadual 4.5, didapati kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan yang ketara di mana min markat dalam ujian pra ialah 52.00 manakala min markat dalam ujian lepas hanya 53.26, pertambahan sebanyak 1.26 markat sahaja. Perubahan ini berlaku mungkin dari kesan dari pengalaman dalam ujian pra (Cates,1990).

Manakala kumpulan Video menunjukkan perubahan yang begitu ketara. Markat ujian lepas kumpulan ini melebihi markat ujian pra sebanyak 12.1. Dalam ujian pra kumpulan ini mencatatkan min markatnya sebanyak 52.11 sedangkan dalam ujian lepas min markat telah meningkat menjadi 64.21.

Begitu juga dengan kumpulan OHP, Tunjukcara dan Amali. Masing-masing menunjukkan perubahan yang ketara. Dalam ujian pra, kumpulan OHP

memperolehi min markat sebanyak 52.63, kemudian selepas dijalankan ujian lepas markatnya melonjak menjadi 71.79, pertambahan sebanyak 19.16 markat. Kumpulan Tunjukcara pula memperolehi min markat sebanyak 52.00 dalam ujian pra dan selepas ujian lepas markatnya bertambah sebanyak 12.63 menjadi 64.63 markat. Manakala kumpulan Amali mencatatkan 51.79 markat dalam ujian pra dan 71.89 dalam ujian lepas iaitu berlaku pertambahan markat sebanyak 20.1 markat. Pertambahan markat kumpulan-kumpulan eksperimen yang ketara adalah hasil dari kesan olahan yang dilaksanakan kepada kumpulan-kumpulan tersebut.

## 4.5 Keputusan Analisis Varians (Anova) Sehala

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan-kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, analisis varians (ANOVA) sehala melalui pakej SPSS for Windows release 6.0 digunakan. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, Hipotesis kajian ini menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat.

Analisis varians (ANOVA) sehala digunakan kerana di dalam kajian ini terdapat lima kumpulan yang hendak dibandingkan iaitu satu kumpulan kawalan dan empat kumpulan eksperimen. Analisis ANOVA adalah untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara min-min

markat sekurang-kurangnya dua dari kumpulan yang dibandingkan (Cates,1990; Majid,1990).

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan hasil analisis ANOVA sehala yang dijalankan.

Jadual 4.6: Analisis Varians (ANOVA) sehala

| Punca | dk | jkd | mkd | F |
|---|---|---|---|---|
| Antara kumpulan | 4 | 4408.4211 | 1102.1053 | 8.7715 * |
| Dalam kumpulan | 90 | 11308.105 | 125.6468 | |
| Jumlah | 94 | 15716.6316 | | |

* $p > 0.0000$

Analisis Varians (ANOVA) sehala dalam Jadual 4.6 di atas, menunjukkan $F(4,90) = 8.7715$, $p < 0.05$). Nilai F yang diperolehi (8.7715) adalah lebih besar dari nilai F yang diperlukan (2.53) pada tahap keertian 0.05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara prestasi kumpulan-kumpulan yang dikaji. Oleh itu, Hipotesis kajian ini yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat, ditolak. Hal ini

bererti terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji, sekurang-kurangnya dua dari kumpulan-kumpulan yang dikaji.

## 4.6 Keputusan ujian lanjutan Pos-Hoc

Analisis ANOVA yang dijalankan telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan-kumpulan yang dikaji tetapi tidak dinyatakan kumpulan manakah yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Untuk mengenalpasti kumpulan manakah yang menunjukkan perbezaan yang signifikan, analisis lanjutan Pos-Hoc Duncan telah dijalankan. Hasil analisis tersebut dibentangkan dalam Jadual 4.7 di bawah.

Jadual 4.7: Analisis Pos-Hoc Duncan

| Kumpulan | min | Kawalan | Video | OHP | Tunjukcara | Amali |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kawalan | 53.26 | - | | | | |
| Video | 64.21 | * | - | | | |
| OHP | 71.78 | * | | - | | |
| Tunjukcara | 64.63 | * | | | - | |
| Amali | 71.69 | * | | | | - |

* signifikan pada tahap .05

Jadual 4.7 di atas menunjukkan:-

a) terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan kawalan

b) terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min markat kumpulan kumpulan OHP dengan min markat kumpulan kawalan.

c) terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan.

d) terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min markat kumpulan Amali dengan min markat kumpulan kawalan.

Oleh itu, Hipotesis perincian (i) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan kawalan, adalah ditolak. Begitu juga, Hipotesis perincian (ii) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan kawalan juga adalah ditolak. Seterusnya, Hipotesis perincian (iii) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan dan Hipotesis perincian (iv) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Amali dengan min markat kumpulan kawalan adalah ditolak.

Dengan itu, terbukti bahawa kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah merupakan kaedah yang berkesan dan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran Ibadat.

Dari Jadual 4.7 juga didapati keputusan-keputusan berikut:-

a) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan OHP
b) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Tunjukcara
c) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Amali
d) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Tunjukcara
e) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Amali
f) tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan Amali.

Oleh itu, Hipotesis perincian (v), (iv), (vi), (vii), (viii) dan (ix) tidak boleh ditolak. Hipotesis (v) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan OHP. Hipotesis (vi) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara

min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Tunjukcara. Hipotesis (vii) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Amali. Hipotesis (viii) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Tunjukcara. Hipotesis (ix) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Amali. Hipotesis (x) pula menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan Amali. Dengan ini Hipotesis perincian (v), (vi), (vii), (viii), (ix) dan (x) adalah diterima. Ini bererti tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sesama kumpulan eksperimen yang dikaji. Dengan perkataan yang lain prestasi kumpulan-kumpulan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah tidak berbeza secara signifikan walaupun min markat kumpulan OHP dan Amali adalah lebih besar.

# BAB 5

# PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

## 5.1 Pendahuluan

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat dan mengkaji kesan kaedah pengajaran iaitu kaedah Video, kaedah OHP, kaedah Tunjukcara dan kaedah Amali bagi pengajaran Ibadat. Perbandingan dibuat di antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dan juga kumpulan eksperimen dengan kumpulan eksperimen untuk mengkaji sama ada kaedah-kaedah tersebut berkesan atau tidak dan sama ada kaedah-kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali berbeza secara signifikan di antara satu sama lain atau tidak. Justeru itu, dapat dipastikan kaedah yang terbaik dan paling berkesan untuk dilaksanakan dalam pengajaran Ibadat.

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan eksperimen dengan min markat kumpulan kawalan (lihat Jadual 4.7). Keputusan ini membuktikan bahawa perbezaan di antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bukanlah berlaku secara kebetulan tetapi kerana kesan olahan yang dilaksanakan ke atas kumpulan eksperimen. Dengan itu, kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah satu kaedah yang berkesan bagi pengajaran Ibadat.

Bagaimanapun perbandingan di antara min-min markat sesama kumpulan eksperimen tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan (lihat Jadual 4.8). Walaupun terdapat perbezaan min markat di antara kumpulan OHP dengan kumpulan Video dan Tunjukcara dan di antara kumpulan Amali dengan kumpulan Video dan Tunjukcara tetapi perbezaan itu tidak signifikan dari segi statistik.

## 5.2 Perbandingan prestasi kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan

Min markat yang diperolehi oleh setiap kumpulan ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Min kumpulan kawalan ialah 53.26 dengan sisihan piawainya 7.89. Min markat kumpulan tunjukcara ialah 64.63 dan sisihan piawai ialah 11.18. Min markat kumpulan video ialah 64.21 manakala sisihan piawainya 13.08. Min markat kumpulan OHP ialah 71.79 dan sisihan piawainya ialah 10.33. Min markat kumpulan Amali ialah 71.89 dan sisihan piawainya 13.97.

Kumpulan eksperimen mendapat min markat yang tertinggi sekali. Dari keempat-empat kumpulan eksperimen, kumpulan Amali yang paling tinggi sekali minnya iaitu 71.89 diikuti kumpulan OHP (71.79), kumpulan Tunjukcara (64.63) dan kumpalan Video mendapat markat yang paling rendah iaitu 64.21. Kumpulan kawalan mendapat markat yang terendah sekali iaitu 53.26 markat dengan sisihan piawainya 7.89.

Hasil Analisis Varians (ANOVA) sehala yang telah dijalankan (lihat Jadual 4.6), menunjukkan $F(4,90) = 8.7715$, $p < 0.05$). Nilai F yang diperolehi (8.7715) adalah lebih besar dari nilai F yang diperlukan (2.53) pada tahap keertian 0.05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara prestasi kumpulan-kumpulan yang dikaji sekurang-kurangnya di antara dua kumpulan. Oleh itu, Hipotesis kajian ini yang menyatakan bahawa 'tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji berdasarkan Ujian Pencapaian Ibadat', adalah ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan-kumpulan yang dikaji, sekurang-kurangnya dua dari kumpulan-kumpulan tersebut.

Analisis lanjutan Pos-Hoc Duncan telah dijalankan untuk mengenalpasti kumpulan-kumpulan yang berbeza secara signifikan (Jadual 4.7). Berikut dihuraikan dan dibincangkan keputusan tersebut.

### 5.3.1 Kesan kaedah Video

Analisis pos-hoc Duncan (lihat Jadual 4.7) yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap .05 di antara min markat kumpulan kaedah Video dengan min markat

kumpulan kawalan. Min markat kumpulan kawalan ialah 53.26 manakala min markat kumpulan kaedah Video ialah 64.21. Oleh itu, Hipotesis perincian (i) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan kawalan adalah ditolak. Ini menunjukkan kaedah Video adalah satu kaedah yang berkesan bagi pengajaran Ibadat. Pertambahan min markat yang signifikan dalam Ujian Pencapaian Ibadat menunjukkan perlaksanaan kaedah ini bagi menyampaikan pelajaran Ibadat dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dengan lebih baik.

Dalam kaedah Video, penerangan yang disertai dengan gambar tunjukcara membantu pelajar menambahkan ingatan dan kefahaman. Ia juga menjadikan pelajar lebih tertarik untuk mempelajari apa yang diajar kerana tayangan video ini melibatkan deria pendengaran dan penglihatan sekaligus. Tambahan pula gambar berwarna lebih kuat menarik minat pelajar dan merangsang mereka untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran (Dennist Pett & Trudy Wilson, 1996). Video juga berguna untuk mengekalkan minat pelajar terhadap pelajaran dan menggalakkan penyertaan (Hristova, 1990).

Dapatan kajian ini mengukuhkan kajian Barrow & Westly (1970) yang mendapati televisyen termasuk video boleh digunakan untuk mengajar

dengan berkesan. Menurutnya, Televisyen (video) boleh diterima sebagai satu cara pengajaran sekiranya perkara-perkara yang diajar lebih mudah dilihat tetapi ia tidak boleh dijadikan pengganti kepada pengajaran guru. Bagaimanapun jika pengajaran televisyen benar-benar bermutu tinggi ia boleh menjadi pengganti kepada pengajaran guru. Beliau juga mendapati tunjukcara melalui televisyen adalah berguna dan berkesan. Bagaimanapun menurutnya pelajar lebih suka kepada tunjukcara sebenar yang ditunjukkan oleh guru di hadapan mereka.

### 5.3.2 Kesan kaedah OHP

Analisis poc-hoc Duncan (Jadual 4.7) juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan kaedah OHP dengan min markat kumpulan kawalan. Min markat kumpulan kawalan ialah 53.26 manakala min markat kumpulan kaedah OHP ialah 71.78. Oleh itu, Hipotesis perincian (ii) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan kawalan adalah ditolak.

Jadi, kaedah OHP adalah satu kaedah yang berkesan bagi pengajaran Ibadat. Pertambahan min markat yang signifikan dalam Ujian

Pencapaian Ibadat menunjukkan kaedah ini dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dengan lebih baik. Lut sinar yang ditunjukkan yang mengandungi penjelasan dan gambar ilustrasi dapat membantu pelajar menambahkan pengetahuan, ingatan dan kefahaman

pelajar. Kaedah ini juga dapat menarik perhatian pelajar untuk mempelajari isi pelajaran yang diajar (Tierney & Humphreys, 1992). Pergerakan guru yang sentiasa menukar ganti lut sinar yang digunakan dan membuka serta menutup OHP dapat menarik perhatian pelajar kepada pengajaran guru. Selain dari itu, penggunaan OHP melibatkan deria pendengaran dari suara guru dan penglihatan yang sudah pasti penerimaan maklumat akan bertambah baik. Ini sesuai dengan penggunaan media yang bertujuan untuk menjelaskan penyampaian isi pelajaran dan memberi rangsangan kepada pembelajaran (Erickson & Curl,1972).

Dapatan kajian ini menguatkan dapatan kajian Kaufman & Krulik (1966) yang mendapati penggunaan OHP berkesan dalam pengajaran Matematik dan juga menyokong kajian Chance (1960) mengenai pengajaran menggunakan lut sinar kepada pelajar lukisan kejuruteraan yang mendapati ia lebih berkesan dari kaedah syarahan dan lebih

menjimatkan masa. Dapatan yang sama didapati oleh Funck (1972) dalam pengajaran bahasa. Beliau mendapati penggunaan OHP boleh meningkatkan kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis.

Dapatan kajian ini menyokong kajian Wharton (1981). Pusat ini mendapati di dalam mesyuarat, penyampai yang menggunakan OHP adalah mendapat reaksi yang lebih baik dan menarik dari penyampai yang tidak menggunakan OHP.

Moldstad (1979) yang membuat kajian mengenai penggunaan media, juga mendapati pembelajaran meningkat apabila media digunakan dalam pendekatan pengajaran tradisi. Cohen, 1960 (Wendt & Butt,1962) dalam kajian penggunaan alat bantu mengajar kepada seorang guru darjah lima mendapati penggunaan alat pandang dengar boleh meningkatkan hasil pengajaran sehingga sembilan kali ganda.

### 5.3.3 Kesan kaedah Tunjukcara

Analisis Pos-Hoc Duncan juga (rujuk Jadual 4.7) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan kaedah Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan. Min markat kumpulan kawalan ialah 53.26 manakala min markat kumpulan kaedah

Tunjukcara ialah 64.63. Oleh itu, Hipotesis perincian (iii) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan kawalan adalah tidak diterima. Jadi, dapatan ini menggambarkan kaedah Tunjukcara adalah satu kaedah yang berkesan bagi pengajaran Ibadat. Kaedah ini juga dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dengan lebih baik.

Kaedah Tunjukcara menggunakan bentuk komunikasi penglihatan dan pendengaran. Pelajar dapat melihat sendiri bagaimana sesuatu kemahiran itu dilakukan di samping mendengar penjelasan guru. Oleh kerana guru sendiri yang menjadi model sebenar maka ia merupakan satu realiti yang dapat dirasai oleh pelajar. Justeru itu, ia dapat menjadi rangsangan kepada minat pelajar dan memudahkan pelajar memahami dan mengingati serta mencontohi sesuatu dengan mudah dan cepat. Pelajar-pelajar dapat melihat dan mengingat langkah-langkah perlaksanaan isi pelajaran dengan lebih baik. Menurut Arends (1994) ia dapat mengelakkan dari percubaan yang salah. Tunjukcara juga dapat mengelakkan dari kesukaran memahami sesuatu kerana penggunaan bahasa atau istilah yang sukar. Di samping itu, ia dapat meyakinkan pelajar untuk melakukan sendiri sesuatu yang telah ditunjukkan oleh guru.

Hasil kajian ini menyokong dapatan Ahmad Murad (1994) yang membuktikan bahawa kaedah Tunjukcara dapat memberi kesan yang positif dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Ketukangan.

Dapatan kajian ini menyokong Kon Pengalaman Dale (Rajah 2.1) yang meletakkan tunjukcara di antara yang paling banyak memberi kesan dalam pengajaran. Dalam Pendidikan Islam, kaedah Tunjukcara merupakan kaedah pengajaran yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Para sahabat mempelajari cara bagaimana melakukan sesuatu Ibadat melalui cara ini (Bukhari, 1994; Muslim, 1994). Jadi, kajian ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang diamalkan itu sangat berkesan untuk mencapai objektif pengajaran Ibadat yang berbentuk amali.

### 5.3.4 Kesan kaedah Amali

Analisis Pos-Hoc Duncan (Jadual 4.7), juga menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan kaedah Amali dengan min markat kumpulan kawalan. Min markat kumpulan kawalan ialah 53.26 manakala min markat kumpulan kaedah Amali ialah 71.89. Oleh

itu, Hipotesis (iv) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Amali dengan min markat kumpulan kawalan adalah ditolak. Ini menunjukkan kaedah Amali adalah satu kaedah yang berkesan bagi pengajaran Ibadat. Pertambahan min markat yang signifikan dalam Ujian Pencapaian Ibadat menunjukkan kaedah ini dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman pelajar dengan lebih baik.

Keberkesanan kaedah ini kerana selain melibatkan deria pendengaran dan penglihatan, ia juga melibatkan praktikal yang menjadi pengalaman yang berguna kepada pelajar. Kaedah ini juga merupakan kaedah pengajaran orientasi pelajar yang lebih banyak melibatkan peranan pelajar. Penglibatan lebih banyak peranan pelajar dalam pembelajaran dapat membantu mengekal dan meningkatkan minat pelajar untuk terus memberi perhatian kepada pengajaran guru. Dengan itu, pelajar akan belajar dengan lebih baik (Callahan & Clark, 1983). Selain dari itu, pelajar yang baik boleh dijadikan contoh kepada pelajar yang lemah manakala pelajar yang lemah dapat diberi perhatian yang lebih dan membetulkan sesuatu kemahiran yang dilakukan secara yang tidak tepat. Teguran dan pembetulan pada peringkat awal sangatlah penting sebelum pelajar melakukannya dengan cara yang tidak tepat. Pembetulan itu boleh juga dilakukan dengan tunjukcontoh guru sendiri

atau pelajar contoh. Oleh kerana ibadat merupakan amalan yang tetap dan tidak berubah-ubah (Azman, 1987) maka ia perlu ditunjuk contohkan dan dilakukan amali untuk memastikan ia dilakukan dengan tepat.

Dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Dale (1964) (Rajah 2.1) yang digambarkan dalam Kon Pengalaman Dale yang meletakkan pengalaman langsung sebagai yang paling banyak memberi kesan dalam pengajaran. Ia juga menyokong teori cuba-jaya Thorndike (1933) Teori pelaziman operan Skinner (1953) menyarankan bahawa pengajaran yang efektif memerlukan demontarasi dan tunjukcara kemahiran serta praktikal. Jika amali atau praktikal ini diulangi kesannya akan bertambah baik. Justeru itu, menurut Arends (1994) amali perlulah diulangi. Oleh kerana ibadat merupakan amalan seumur hidup maka amalan harian boleh dijadikan sebagai satu ulangan yang boleh dinilai untuk menentukan ketepatannya dengan hukum dan kehendak Syarak. Hal ini bersesuaian dengan cadangan yang dikemukan melalui Model Pengajaran Ibadat yang telah dihasilkan (Rajah 2.2).

Dalam konteks Pendidikan Islam, kaedah Amali merupakan kaedah pengajaran utama yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para

sahabat. Para sahabat mempelajari Ibadat melalui cara ini (Bukhari, 1994; Muslim, 1994). Para sahabat adalah generasi manusia terbaik yang dipuji oleh Allah di dalam Al Quran (Ali Imran 3:110). Kelahiran mereka adalah hasil didikan Rasulullah s.a.w. yang menggunakan kaedah Tunjukcara dan Amali dalam pengajaran ibadat. Jadi, kajian ini meyakinkan bahawa kaedah pengajaran yang diamalkan itu adalah berkesan bagi pengajaran Ibadat yang berbentuk amali.

Pengajaran Ibadat menggunakan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali melibatkan deria pendengaran dan penglihatan sekaligus. Penglibatan lebih banyak deria lebih banyak memberi kesan (Atan, 1991; Mohd Dahalan,1989). Pendapat Atan dan Mohd Dahalan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Harvard Business School (Riggs,1969) yang telah menunjukkan maklumat yang diterima oleh otak manusia adalah 1% dari rasa, sentuhan 1.5%, bau 3.5%, dengar 11% dan lihat 83% dan dapatan kajian Riggs (1969) yang mendapati kita mengingati purata 10% dari apa yang kita baca, 20% dari apa yang kita dengar, 30% dari apa yang kita lihat, 40% dari apa yang kita lihat dan dengar, 80% dari apa yang kita ucapkan dan 90% dari apa yang kita ucap dan lakukan. Penerimaan maklumat atau pembelajaran manusia adalah melalui deria-deria yang digunakan. Oleh itu, keberkesanan keempat-empat kaedah yang dikaji adalah

kerana melibatkan lebih banyak deria khasnya deria pendengaran, penglihatan dan sentuhan.

Sebenarnya kaedah Video dan OHP tidaklah berbeza dari segi prinsipnya dengan kaedah Tunjukcara dan Amali kerana kedua-dua kaedah itu boleh digunakan untuk menunjukkan cara sesuatu ibadat itu dilaksanakan langkah demi langkah melalui gambar sebenar atau ilustrasi gambar di samping penerangan

## 5.3 Perbandingan berdasarkan min markat ujian pra dan ujian lepas

Semua kumpulan kawalan dan eksperimen telah mengambil ujian pra dan ujian lepas. Jika dibandingkan min markat yang diperolehi dalam ujian pra dan ujian lepas, didapati kumpulan eksperimen menunjukkan perbezaan yang ketara di antara min markat ujian pra dengan min markat ujian lepas tetapi kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan.

Keputusan ujian pra dan ujian lepas dipaparkan dalam Jadual 4.5. Dari Jadual tersebut, didapati kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan yang ketara di mana min markat dalam ujian pra ialah 52.00 manakala min markat dalam ujian lepas hanya 53.26, pertambahan sebanyak 1.26 markat sahaja. Perubahan ini berlaku mungkin dari kesan dari pengalaman dalam ujian pra.

Manakala kumpulan Video menunjukkan perubahan yang begitu ketara. Markat ujian lepas kumpulan ini melebihi markat ujian pra sebanyak 12.1. Dalam ujian pra, kumpulan ini mencatatkan min markatnya sebanyak 52.11 sedangkan dalam ujian lepas, min markat telah meningkat menjadi 64.21.

Begitu juga dengan kumpulan OHP, Tunjukcara dan Amali. Masing-masing menunjukkan perubahan yang ketara. Dalam ujian pra, kumpulan OHP memperolehi min markat sebanyak 52.63, kemudian selepas dijalankan ujian lepas selepas olahan markatnya melonjak menjadi 71.79, pertambahan sebanyak 19.16 markat. Kumpulan Tunjukcara pula memperolehi min markat sebanyak 52.00 dalam ujian pra dan selepas ujian lepas markatnya bertambah sebanyak 12.63 menjadi 64.63 markat. Manakala kumpulan Amali mencatatkan 51.79 markat dalam ujian pra dan 71.89 dalam ujian lepas iaitu berlaku pertambahan markat sebanyak 20.1 markat. Pertambahan min markat kumpulan-kumpulan eksperimen yang ketara adalah hasil dari kesan olahan yang dilaksanakan kepada kumpulan-kumpulan tersebut. Keputusan ini membayangkan bahawa pengajaran Ibadat menggunakan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah berkesan (Rujuk 5.3).

## 5.4 Perbandingan Kesan Kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali

Dalam kajian ini juga, kumpulan eksperimen dibandingkan dengan kumpulan eksperimen. Keputusannya (Jadual 4.7) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat mana-mana kumpulan eksperimen. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, Hipotesis perincian (v) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan OHP. Hipotesis perincian (vi) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Tunjukcara. Hipotesis perincian (vii) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Video dengan min markat kumpulan Amali. Hipotesis perincian (viii) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Tunjukcara. Hipotesis perincian (ix) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan OHP dengan min markat kumpulan Amali. Hipotesis perincian (x) pula menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat kumpulan Tunjukcara dengan min markat kumpulan Amali.

Ujian Pos-Hoc Duncan (Jadual 4.7) yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markat keempat-empat

kumpulan eksperimen di mana min markat yang diperolehi ialah kumpulan Video 64.21, kumpulan OHP 71.79, kumpulan Tunjukcara 64.63 dan kumpulan Amali 71.89. Dengan itu, Hipotesis perincian (v),(vi),(vii),(viii), (ix) dan (x) adalah diterima. Ini bererti tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan eksperimen sesama kumpulan eksperimen. Dengan perkataan yang lain, prestasi kumpulan-kumpulan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali lebih kurang sama walaupun minnya berbeza tetapi tidak signifikan.

Min markat yang paling tinggi ialah kumpulan Amali ( 71.89 ) diikuti dengan kumpulan OHP ( 71.79 ), kumpulan Video ( 64.21 ) dan kumpulan Tunjukcara (64.63 ). Kumpulan kawalan mendapat min yang paling rendah (53.26). Ini menunjukkan kumpulan Amali menunjukkan pencapaian yang paling baik dari segi min markat tetapi hampir sama dengan kumpulan OHP. Manakala kedua-dua kumpulan Video dan Tunjukcara menunjukkan pencapaian yang hampir sama ( 64.21 dan 64.63 ). Prestasi yang hampir sama ini disebabkan kaedah-kaedah ini melibatkan deria yang sama iaitu penglihatan dan pendengaran. Oleh kerana kaedah Amali melibatkan deria yang lebih banyak iaitu deria rasa atau sentuhan maka prestasinya iaitu minya lebih besar dari kumpulan-kumpulan yang lain. Rangsangan untuk menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran juga hampir sama. Kaedah Amali berkecenderungan menjadi lebih baik dari kaedah yang lain kerana ia

menghasilkan pengalaman langsung yang menghasilkan ingatan lebih kuat (Ee Ah Meng, 1993). Jadi, keempat-empat kaedah ini sangat menarik dan berkesan.

Walaupun begitu, setiap kaedah ada kelebihan dan kekurangannya. Kaedah-kaedah ini boleh digabungkan di dalam satu pengajaran supaya lebih berkesan lagi di samping dapat menampung kelemahan yang ada pada sesuatu kaedah. Misalnya pengajaran menggunakan kaedah OHP, Video dan Tunjukcara tidak dapat memastikan kemahiran dan amalan yang dilakukan adakah menepati apa yang diajar atau tidak tetapi kelemahan ini dapat diatasi jika kaedah Amali dipraktikkan.

Ringkasnya, keempat-empat kaedah ini perlu digunakan untuk meningkatkan prestasi pengajaran Ibadat serta memastikan pengamalannya yang tepat. Jika sesuatu topik dalam Ibadat itu memerlukan lebih banyak penerangan dan kefahaman, kaedah OHP lebih sesuai digunakan. Jika ia memerlukan tunjukcara maka kaedah Tunjukcara dan Video bolehlah digunakan dan jika diperlukan latihan praktikal maka kaedah Amali mestilah digunakan. Pemilihan kaedah juga bergantung kepada kemudahan dan keadaan semasa. Bagaimanapun keperluan amali tidak boleh diketepikan. Terdapat keadaan di mana amali tidak boleh digantikan dengan sebarang kaedah yang lain.

## 5.5 Rumusan

Dapatan kajian ini menunjukkan kepada kita bahawa kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali adalah kaedah yang berkesan untuk menyampaikan pengajaran Ibadat. Kaedah-kaedah ini dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran Ibadat yang terbukti dengan pertambahan min markat selepas olahan. Oleh itu, pengajaran Ibadat wajar disampaikan dengan menggunakan kaedah-kaedah ini. Ia dapat memberi kefahaman yang jelas mengenai cara-cara menunaikan sesuatu Ibadat dengan tepat. Di samping itu, keberkesanannya juga berkait rapat dengan perhatian dan minat pelajar terhadap pengajaran guru. Kaedah-kaedah ini dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan dan mengekalkan perhatian kepada pengajaran serta menimbulkan pembelajaran yang masimum.

Walau bagaimanapun, perlaksanaan kaedah-kaedah ini perlu berlandaskan kepada prinsip dan panduan yang disyorkan oleh pengkaji-pengkaji (Brumfit, 1983). Perlaksanaan yang menepati prinsip yang ditetapkan sahaja akan menjamin keberkesanan kaedah-kaedah tersebut. Pengabaian terhadap prinsip tersebut mungkin akan menyebabkan kegagalannya. Ini disebabkan sesuatu kaedah itu mempunyai prinsip yang tersendiri khasnya untuk melahirkan pembelajaran yang maksimum dan meningkatkan pencapaian pelajar yang sebaik-baiknya. Jadi, semua prinsip tersebut mestilah diikuti.

## 5.6 Cadangan

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam dengan menekankan kepentingan, kegunaan, kesesuaian serta kemestian menggunakan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali dalam pengajaran Ibadat yang telah dibuktikan keberkesanannya. Kementerian bolehlah merangka modul pengajaran Ibadat khas untuk perlaksanaan kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali atau gabungan kaedah-kaedah ini dalam pengajaran Ibadat. Tajuk-tajuknya bolehlah dipilih dari tajuk-tajuk yang penting dan perlu sahaja seperti solat, solot qasar dan jamak, solat ketika sakit dan peperangan zakat fitrah, haji, umrah, mandi, samak, sertu dan lain-lain. Kemudian guru-guru diberikan kursus praktikal untuk menghayati kaedah-kaedah ini dalam pengajaran mereka.

Langkah itu penting kerana guru-guru Pendidikan Islam sendiri mengakui kepentingan pengajaran menggunakan media. Muhammad Khailani (1993) melaporkan 81.2% guru Pendidikan Islam mengakui kepentingan menggunakan OHP/lut sinar dan 89.4% mengakui kepentingan menggunakan televisyen/video malahan hampir semua guru Pendidikan Islam (96.4%) berminat menggunakan media dalam pengajaran.

Di samping itu, dalam kajian ini didapati kaedah Video, OHP, Tunjukcara dan Amali amat sesuai digunakan untuk pengajaran Ibadat dengan berkesan tetapi ia tidak menunjukkan adakah kaedah-kaedah ini boleh menambahkan kemahiran amalan dan adakah kemahiran yang dilakukan menepati kehendak Syarak dalam Ibadat kerana Ujian Pencapaian Ibadat yang digunakan hanya dapat menguji pengetahuan dan kefahaman, tidak menguji aspek kemahiran amali dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan sebagainya. Oleh itu, kajian-kajian lanjutan melalui kajian eksperimen atau kajian kes perlu dilakukan untuk mendapat maklumat tersebut supaya dapat dipastikan bahawa kaedah-kaedah yang digunakan itu dapat menambahkan kemahiran amali yang dikehendaki. Ini penting untuk memastikan setiap pelajar melaksanakan sesuatu ibadat itu dengan betul dan menepati kaedah Syarak. Pengukuhan atau pembetulan dapat dijalankan sekiranya segala kelemahan telah dikenalpasti.

Kajian yang serupa perlu juga dijalankan untuk mengetahui sejauh mana kesan kaedah-kaedah ini kepada penghayatan Ibadat dalam kehidupan harian pelajar dan menjawab persoalan adakah kaedah pengajaran ini dapat menambah penghayatan dan amalan ibadat seharian kerana inilah yang menjadi objektif pengajaran Ibadat. Tidak kurang pentingnya, kajian lanjutan untuk mengetahui perkaitan di antara kaedah pengajaran Ibadat yang berkesan dengan penyelesaian masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar-pelajar Islam hari ini. Adakah pengajaran Ibadat yang berkesan boleh memperbaiki akhlak

pelajar masa kini?. Kajian juga wajar dijalankan untuk menentukan adakah penghayatan dan pengamalan Ibadat dapat membantu pembentukan akhlak yang baik di kalangan pelajar Islam kerana penghayatan Ibadat boleh dijadikan sebagai salah satu formula yang terbaik untuk membentuk peribadi pelajar yang cemerlang.

Kajian lanjut juga wajar dijalankan untuk membentuk kid pengajaran Ibadat yang lebih baik, berkesan, komprehensif dan lebih sempurna menggunakan Video dan OHP yang mengandungi tunjukcara dan amali yang dapat menggambarkan bentuk dan cara sesuatu ibadat itu seharusnya dilakukan. Ini kerana kandungan video dan lut sinar OHP yang digunakan dalam kajian ini diambil dari bahan pengajaran yang ada di pasaran yang masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki. Kandungannya terlalu banyak dan detail yang sebahagiannya tidak perlu divideokan. Pembikinan rakaman video, khas untuk pengajaran di kelas dan mengandungi topik-topik yang perlu sahaja adalah lebih baik, murah, menarik dan berkesan. Untuk itu, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral disarankan mewujudkan kerjasama atau usahasama dengan Bahagian Teknologi Pendidikan di Kementerian Pendidikan untuk mengadakan projek pengeluaran kid dan rakaman video pengajaran Ibadat yang bermutu dan sesuai dengan keperluan semasa. Kewujudan cakera padat video (VCD) memungkinkan pengajaran dapat dijalankan menggunakan komputer. Syarikat swasta juga boleh dilibatkan

untuk pengeluaran atau pemasarannya ke seluruh negara. Saranan meningkatkan pengeluaran video pengajaran seperti ini pernah dibuat oleh Abdul Rahim (1993) untuk kegunaan di peringkat institusi pengajian tinggi.

Masalah pelajar yang lemah dalam memahami, menghayati dan mengamal Ibadat juga perlu diberi perhatian. Kajian ini tidak memfokuskan kepada kesan kaedah yang dikaji kepada pelajar-pelajar yang lemah. Oleh itu, kajian bolehlah dijalankan untuk menentukan adakah kaedah ini sesuai dan berkesan untuk pelajar lemah, di samping mengkaji kesannya kepada pelajar yang berpencapaian sederhana dan tinggi.

# SENARAI RUJUKAN

Abdul Ghani 'Abud & Hasan Ibrahim Abdul 'Al. (1995). Attarbiyyatul Islamiyah Watahaddiyatul 'Asr. Darul Fikril Arabi.

Abdul Halim El-Muhammady. (1991). Pendidikan Islam : Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam..

Abdul Karim Zaidan. (1984). Dasar-dasar Ilmu Dakwah 1. Terjemahan H.M. asywadi Syukur L.C. Kuala Lumpur : Pustaka Ameen.

Abdullah Ishak. (1982). Perkembangan Pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah Menengah Kerajaan Selepas Merdeka hingga tahun 1980: Satu Tinjauan Mengenainya. Tesis Sarjana. Bangi, UKM.

............... (1989). Sejarah Pelajaran dan Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Al Rahmaniah.

................ (1995). Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Muhammad Basmeih. (1993). Mastika Hadis Rasulullah s.a.w, jilid 2. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

...................................... (1996). Mastika Hadis Rasulullah s.a.w, muqaddimah & jilid 1. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Abdullah Nasih Ulwan. (1990). Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, jilid 2. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd

Abdul Rahim Abdul Rashid & Abdul Aziz Abdul Talib. (1992). Panduan Latihan Mengajar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim Mohd Saad. (1993). Ke Arah Peningkatan Pengeluaran Video Pendidikan di Pusat Pengajian Tinggi. Dalam Bengkel Video Pendidikan ke Arah Pengumpulan Maklumat dan Kerjasama Penerbitan Video. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

…………………. (1992). Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di Sekolah Menengah; dalam Pendidikan Islam Malaysia (kumpulan Kertas Kerja 19 Universiti Kebangsaan Malaysia). Suntingan Ismail Abdul Rahman. Bangi : Penerbit UKM.

Abdul Raof Dalip dan T. Subahan Mohd Meerah. (1991). Isu-isu Latihan Mengajar. Petaling jaya : Penerbit Fajar Bakti.

Ab. Khalid Saamin. (1992). Kaedah Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup bagi Komponen Manipulatif yang diamalkan oleh Guru-guru Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan. Tesis B.A. Universiti Teknologi Malaysia. Educator Thesis Abstract, CDS-ISIS, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abu Bakar Muhammad. (1994). Pembinaan Manusia Dalam Islam. Surabaya : Penerbit Al Ikhlas.

Abu Bakar Nordin. (1986). Asas Penilaian Pendidikan. Kuala Lumpur : Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

Adam Taib & Ismett Azyze H.A. Azyze. (1986). Projektor Overhead. Seksyen Alat Pandang Dengar, Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Afzalur Rahman. (1993). Ensiklopedia Sirah Muhammad s.aw, jilid 1. Terjemahan Zaharah Saleh. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohamad. (1992). Usage of Videos in Distance Education Preliminary Findings on Student Responses. Dalam Proceedings of the Asia Pacific Educational Technology Convention, June, 1992. Penang : Centre for Educational Technology and Media, USM.

Ahmad Mahzan Ayob. (1992). Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, edisi kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohd Salleh. (1997). Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti.

Ahmad Murad Yusof. (1994). Penggunaan kaedah Tunjukcara Dalam pengajaran Ketukangan di Sekolah Menengah Vokasional. Tesis B.ED., Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Sonhadji Mohamad. (1993). Mari Sembahyang (Laki-laki), cetakan ketiga. Kuala Lumpur : Syarikat Binyahya.

Al Abasiri, Muhammad Khalifah. (1984). Al Mar'atu Wattarbiyyatul Islamiah, cetakan pertama. Kuwait, Maktabah Al Falah.

Al Alusi, Syihabuddin Syed Mahmud. (1987). Ruhul Ma'ani Fi Tafsiril Qur'anil 'Azim Wassab'il Masani. Darul Fikri.

Al Asyqar, Umar Sulaiman. (1985). Al 'Aqidah Fi Dhauil Kitab Wassunnah : Arrasul Warrisalat, cetakan ketiga. Maktabatul Falah.

Al Bayanuni, Muhammad Abdul Fath. (1984). Al Ibadah, cetakan pertama. Darus Salam.

Al Ghazali, Muhammad. (1991). Akhlak Seorang Muslim, cetakan kedua. Terjemahan H. Mohd. Rifa'i. Thinkers Libarary Sdn. Bhd.

Al Hashimi, Abdul Hamid. (1985). Ar Rasulul Arabiyul Murabbi, jilid kedua. cetakan kedua. Darul Huda Linnasyri Wattauzi'.

Al Jazairi, Abu Bakar Jabir.(1964). Minhajul Muslim. Darul Irsyad Litthiba'ah Wannasyr.

Al Muqaddisi, Faidhullah bin Musa.(1320H/1899). Fathur Rahman Li Talibi Ayatil Qur'an. Al Matba'atul Ahliyah.

Al Qardhawi, Muhammad Yusuf. (1978). Ibadah Dalam Islam. Terjemahan Hassan Idris. Suntingan Mohd Yusoff Abas. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM).

An Nahlawi, Abdul Rahman. (1989). Prinsip-prinsip dan Metoda Pendidikan Islam. Indonesia : Penerbit C.V. Deponegoro.

An Na'miy, Abdullah Al Amin. (1994). Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan Al Qabisi. Terjemahan Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arends, R.I. (1994). Learning to Teach, third edition. London : McGraw Hill Inc.

Assabuni, Muhammad Ali. (1979). Ijazul Bayan Fi Suwaril Quran, cetakan kedua. Arab Saudi, Maktabah Al Ghazali.

As Shiddiqy, T.M. Hasbi. (1994). Kuliah Ibadat. Editor Zulkiflee Yazid. Selangor : Thinkers Library Sdn. Bhd.

As Syaibani, Umar Muhammad Attumi. (1970). Falsafatut Tarbiyatul Islamiah. Al Minsya'atul Ammah Linnasyri Wattauzi' Wal I'klan.

Atan Long. (1991). Pedagogi Kaedah Am Mengajar. Amiza Publishing Sdn. Bhd.

Azman Wan Chik. (1987). Kaedah Hayati Amali : Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Karya Bistari Sdn. Bhd.

Az Za'balani, Muhammad As Sayyid Muhammad. (1984). Al Umumah Fil Quranil Karim Was Sunnatin Nabawyyah, cetakan pertama. Beirut : Muassasah Ar Risalah.

Az Zandani, Abdul Majid Aziz. (1992). Taudid Pendekatan Saintifik, (buku 1). Terjemahan Ismail Arifin, Osman Khalid dan Md. Akhir Yaacob. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Barrow, L.C & Westly, B.H. (1970). Comparative Teaching Effectiveness of Radio and Television. AV Communication Review, 1970, 7(1).

Bhushan, A. (1976). The Use of Educational Technology in Teacher Education. International Yearbook of Educatinal and Instructional Technology. New York : International Publications Service.

Briggs, et.al. Instructional Media: A Procedure for the Design of Multimedia Instruction, a Critical Review of Research and Suggestion for Future Research. Pittsburg : American Institutes for Research in the Behavioral Science, monograph no.2.

Brown, H.L. & Clark, L.H. (1977). The Effective Teacher. In Introduction to American Education: Planning for Competence. New York : Macmillan Publishing.

Brumfit, C.J. (1983). Video Applications in English Language Teaching. Edited by John McGovern. Oxford : Pergamon Press.

Bruner, J.S. (1966). Towards a Theory of Instruction. Cambridge, Massachusetts, Harvard University Press.

Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail.(1993).Shahih Bukhari, jilid 1. Terjemahan Muhammad Saudi Junid et.al. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM)

......................... (1997). Terjemahan Hadis Shahih Bukhari, jilid 1-4. Terjemahan Zainuddin Hamidy et.al. Selangor : Klang Book Centre.

Callahan, J.F.& Clark L.H.. (1983). Introduction to American Education: Planning for Competence, second edition. Macmillan Publishing.

Carter, A. & Schmidt, K. C. (1985). An Assesment of the Production and Utilization of Instructional Media by Student teachers. Educational Technology, 20 (24).

Cates, A.M.. (1990). Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan. Terjemahan Shaharom Abdullah. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Colman, J.E. (1967). The Master Teachers and the Art of Teaching. New York : Pitman Publisihng Corporation.

Coombs, B. (1995). Successful Teaching: A Practical Handbook. Heinemann Educational Publishers.

Dale, E.(1964). Audio-Visual Methods in Teaching. Holt, Rinerhart & Winston

Pett, D & Wilson, T. (1996). Color Research and Its Application to the Design of Instructional Materials. Educational Technology Research & Development, vol.44 no.3.

Ee Ah Meng.(1987). Pedagogi Untuk Bakal Guru. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

